NOTA PENERANGAN

Cara membaca dokumen ini

Sila ambil perhatian bahawa Polisi Kereta Persendirian anda hanya bermula dari halaman 6 dan seterusnya. Bagi membantu anda membaca dan memahami polisi anda dengan lebih mudah, kami menyediakan beberapa nota penerangan bersama-sama dengan ulasan dan contoh yang ditulis dalam huruf condong (italic). Nota penerangan ini tidak dianggap sebagai sebahagian daripada polisi dan tidak boleh digunakan bagi mentakrif kontrak insurans anda jika berlaku apa-apa pertikaian.

Perkataan dalam huruf tebal

*Anda boleh perhatikan bahawa terdapat beberapa perkataan dalam polisi ini dicetak dalam **huruf tebal**. Ini adalah kerana perkataan-perkataan tersebut diberikan makna yang khusus dalam Polisi Kereta Persendirian anda ini. Sila rujuk Seksyen F bagi makna perkataan-perkataan tersebut.*

Apakah yang dikira sebagai kontrak insurans anda?

Kontrak insurans anda dengan kami merangkumi seperti berikut:

- *polisi insurans (kecuali teks dalam huruf condong);*
- *apa-apa maklumat yang anda telah beritahu kami semasa memohon insurans ini;*
- *Jadual;*
- *Endorsmen yang dilampirkan pada polisi; dan*
- *Sijil Insurans (CI).*

Kesemuanya hendaklah dibaca bersekali kerana ia merupakan kontrak insurans anda.

Tanggungjawab anda memberitahu kami

A. Kontrak Insurans Pengguna

Jika insurans yang anda pohon ini tidak berkaitan sama sekali dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda bertanggungjawab mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab apa-apa soalan dalam Borang Cadangan (atau semasa anda membuat permohonan insurans ini) iaitu, anda sepatutnya menjawab semua soalan dengan tepat dan sepenuhnya. Kegagalan mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab apa-apa soalan boleh menyebabkan kami mengelak kontrak insurans, menolak atau mengurangkan tuntutan anda, menukar terma atau menamatkan kontrak insurans anda mengikut remedi-remedi yang diperuntukan di bawah Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan lain-lain perkara yang anda tahu sebagai berkaitan kepada keputusan kami sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.

Anda juga bertanggungjawab memberitahu kami serta merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda berkuat kuasa, semasa memohon dengan kami untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang diberi di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda membuat permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

B. Kontrak Insurans Komersial

Jika insurans yang anda pohon ini berkaitan sepenuhnya dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda bertanggungjawab mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu sebagai berkaitan kepada keputusan kami sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai, serta apa-apa perkara seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangkakan tahu sebagai berkaitan, kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan kami mengelak kontrak insurans, menolak atau mengurangkan tuntutan anda, menukar terma atau menamatkan kontrak insurans anda.

Anda juga bertanggungjawab memberitahu kami serta merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda berkuat kuasa, semasa memohon dengan kami untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang diberi di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda membuat permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

Berikut adalah contoh-contoh tindakan yang boleh kami ambil terhadap anda jika anda memberi pernyataan salah tentang mana-mana fakta kepada kami sebelum polisi berkuat kuasa:

- *isytiharkan polisi anda sebagai terbatal dari mula lagi (iaitu polisi dianggap tidak sah), dan kami boleh tidak pulangkan apa-apa premium;*
- *batalkan polisi tersebut dan pulangkan premium setelah ditolak caj pembatalan atau menuntut premium yang belum dibayar;*
- *singkir satu atau lebih pemandu dinamakan dari polisi anda dan selaraskan premium anda;*
- *tuntut semula apa-apa kekurangan premium yang tidak dikenakan;*
- *tolak mana-mana tuntutan yang telah atau akan dikemukakan di bawah polisi; atau*
- *berhak menuntut kembali dari jumlah mana-mana tuntutan yang telah dibayar di bawah polisi atau mana-mana tuntutan yang terpaksa kami bayar kerana undang-undang jalanraya termasuk kos membuat tuntutan.*

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

Apa yang dilindungi?

Tidak mungkin insurans anda melindungi segala perkara yang boleh berlaku terhadap kereta anda. Sila semak Jadual Polisi yang telah kami berikan kepada anda untuk mengetahui skop perlindungan yang anda telah perolehi. Jenis perlindungan utama terdiri dari:

Perlindungan Asas	***Komprehensif***
Seksyen A: Kerugian atau Kerosakan pada Kereta Anda Sendiri	
1. a. Kejadian yang Kami Lindungi	
(i) berlanggar atau terbalik akibatkemalangan	✓
(ii) berlanggar atau terbalik akibat kerosakan mekanikal	✓
(iii) berlanggar atau terbalik akibat haus dan lusuh	✓
(iv) rosak akibat dihempap objek jatuh tertakluk kepada pengecualian tertentu	✓
(v) kebakaran, letupan atau disambar kilat	✓
(vi) pecah cermin depan / belakang, tingkap atau tingkap bumbung matahari termasuk filem salutan / mewarna	✓
(vii) pecah masuk, pecah rumah, atau kecurian	✓
(viii) perbuatan niat jahat	✓
(ix) semasa dalam transit (perlindungan terhad)	✓
1. b. Kejadian yang Kami Tidak Lindungi	✓
2. Asas Penyelesaian (bagaimana kami menyelesaikan tuntutan anda)	✓
3. Kos Menunda (ke Pembaiki Diluluskan atau ke tempat simpanan yang selamat)	✓
Seksyen B: Liabiliti Terhadap Pihak Ketiga	
1. a. Apa yang Dilindungi (di bawah seksyen ini)	✓
1. b. Apa yang Tidak Dilindungi (di bawah seksyen ini)	✓
2. Had Liabiliti Kami (bayaran maksimum kami)	✓
3. Perlindungan untuk Wakil Sah (jika anda meninggal)	✓
4. Kos Guaman Maksimum (jika diluluskan)	✓
5. Hak Tuntut Balik	✓
Seksyen C: Diskaun Tanpa Tuntutan	✓
Seksyen D: Pengecualian Am *(apa-apa yang tidak dilindungi oleh polisi)*	✓
Seksyen E: Syarat *(terma-terma yang anda mesti patuhi)*	✓
Seksyen F: Takrif *(menerangkan perkataan dalam huruf tebal)*	✓
Seksyen G: Endorsmen *(terma tambahan yang akan kami kenakan atau perlindungan tambahan jika anda telah membayar premium tambahan)*	*Pilihan*

Key: ✓= *diguna pakai* *X = tidak diguna pakai*

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

Apa yang tidak dilindungi oleh polisi ini?

Terdapat tiga seksyen dalam polisi anda di mana dinyatakan apa yang tidak dilindungi. Seksyen-seksyen ini dirujuk sebagai 'Pengecualian' dan terdiri dari:

- *Seksyen A1b – lihat 'Kejadian yang Kami Tidak Lindungi': berkaitan dengan polisi Komprehensif sahaja.*
- *Seksyen B1b – lihat 'Apa yang Tidak Dilindungi': berkaitan dengan polisi Komprehensif, Pihak Ketiga, Kebakaran & Kecurian dan polisi Pihak Ketiga Sahaja.*
- *Seksyen D – lihat 'Pengecualian Am': berkaitan dengan polisi Komprehensif, Pihak Ketiga, Kebakaran & Kecurian dan polisi Pihak Ketiga Sahaja.*

Pada umumnya terdapat tiga sebab mengapa kami mengenakan pengecualian ini di dalam polisi asas Kereta Persendirian anda:

1. *Perlindungan tidak diberikan untuk pengecualian ini. Kami terpaksa mengenakan premium tambahan jika mana-mana pengecualian tersebut mahu dilindungi. Di antara contoh kejadian yang tidak dilindungi oleh polisi asas ini tetapi boleh dilindungi jika anda membayar premium tambahan adalah:*
   - *banjir, ribut {lihat Seksyen A1b 'Kejadian yang Kami Tidak Lindungi};*
   - *mogok, rusuhan, kekacauan awam {lihat Seksyen D – 'Pengecualian Am 8b'}; dan*
   - *digunakan di luar Malaysia, Singapura atau Brunei {lihat Seksyen D – 'Pengecualian Am 6'}.*

2. *Terdapat risiko-risiko lain yang tidak dilindungi oleh polisi asas Kereta Persendirian atau mana-mana tambahan kepada polisi seperti itu. Jika anda mahu perlindungan tambahan tersebut, kami terpaksa mengeluarkan polisi lain. Contohnya, yang berikut tidak dilindungi oleh Polisi Kereta Persendirian anda tetapi ia boleh dilindungi oleh polisi berbeza:*
   - *kenderaan membawa barang dagangan mestilah dilindungi oleh Polisi Kenderaan Komersial; dan*
   - *kenderaan yang mengutip sewa atau tambang mestilah dilindungi oleh polisi teksi atau kereta sewa.*

3. *Kami tidak akan dan tidak boleh melindungi risiko tertentu secara keseluruhan. Di antara contoh risiko seperti ini dapat dilihat dalam Seksyen D – 'Pengecualian Am' contohnya:*
   - *perang, pembelahan nuklear atau pelakuran;*
   - *risiko yang bertentangan dengan polisi awam atau undang-undang;*
   - *memandu dalam keadaan mabuk.*

Bagaimana kereta anda boleh digunakan?

Memandangkan ini adalah Polisi Kereta Persendirian, polisi anda hanya melindungi anda jika kereta anda digunakan untuk tujuan "sosial, domestik dan bersukaria dan juga untuk urusan pemegang polisi." Ini dinyatakan dengan jelas di dalam Sijil Insurans di bawah tajuk "Had Penggunaan".

Berikut adalah beberapa contoh bagaimana kereta anda boleh digunakan:

- *untuk melawat saudara-mara dan kawan, pergi membeli-belah dsb.; dan*
- *untuk urusan niaga terhad seperti pergi dan balik dari tempat kerja dan untuk berjumpa dengan para pelanggan.*

Walau bagaimanapun, kami <u>tidak memberi perlindungan</u>, contohnya, jika kereta anda digunakan dengan cara berikut:

- *sebagai teksi atau bas persendirian dengan mengenakan tambang untuk membawa penumpang;*
- *sebagai kereta sewa dengan mengenakan sewa untuk menggunakan kereta anda;*
- *untuk mengangkut barang berkaitan sebarang perniagaan atau urus niaga selain membawa sampel barang. Anda mestilah membeli Polisi Kenderaan Komersial untuk tujuan kegunaan tersebut;*
- *untuk perniagaan kenderaan (contohnya digunakan untuk memandu uji dan dipamerkan di bilik pameran);*
- *untuk berlatih atau mengambil bahagian dalam sebarang perlumbaan, rali, perentak perlumbaan (pace-making), ujian keandalan (reliability trial) atau ujian kelajuan; dan*
- *digunakan di sebarang litar perlumbaan.*

Siapakah yang boleh memandu kereta anda?

- *Hampir sesiapa sahaja boleh memandu kereta anda selagi pemandu itu:*
   - *mempunyai lesen yang sah bagi memandu kelas kereta yang berkenaan dan tidak hilang kelayakan memandu dari segi undang-undang atau kerana sebab-sebab lain {lihat pengecualian tentang Pemandu Tidak Berlesen dalam Seksyen D – 'Pengecualian Am 1'};*
   - *mendapat kebenaran anda untuk memandu (lihat takrif 'Pemandu Dibenarkan' dalam Seksyen F); dan*
   - *mematuhi semua terma dan syarat polisi ini.*
- *Walaupun sesiapa yang mematuhi segala syarat tersebut di atas boleh memandu kereta anda, anda mungkin perlu menanggung ekses tambahan berdasarkan umur pemandu, jenis lesen yang dimiliki pemandu atau sama ada pemandu adalah bukan pemandu dinamakan (lihat Seksyen 'Apakah Maksud Ekses?' untuk penjelasan lanjut tentang ekses). Jika anda atau pemandu dibenarkan tidak layak memandu atau memungkiri mana-mana terma dan syarat, tuntutan anda mungkin ditolak. Jika kami terpaksa juga membayar, kami boleh menuntut semula wang yang telah dibayar serta perbelanjaan yang ditanggung oleh kami daripada anda atau pemandu dibenarkan.*

Di wilayah manakah kereta anda dilindungi?

Insurans yang anda telah perolehi ini hanya melindungi anda di Malaysia, Singapura dan Brunei tertakluk kepada undang-undang Malaysia. Di samping itu, sila ambil perhatian bahawa jika anda berhajat untuk memandu kereta anda ke Singapura, anda dikehendaki di bawah undang-undang Singapura untuk mempunyai Perlindungan Liabiliti Penumpang (PLP). Oleh kerana PLP tidak dilindungi oleh polisi asas Kereta Persendirian maka anda perlu membeli Endorsmen 100, yang menyediakan perlindungan terhad bagi liabiliti anda terhadap kematian atau kecederaan tubuh badan penumpang.

Bila perlindungan anda berkuat kuasa?

Insurans ini mula berkuat kuasa dari waktu anda membeli perlindungan atau pada waktu mula berkuat kuasa yang dipersetujui sehingga tarikh tamat. Tempoh Insurans akan dicetak di dalam Jadual Polisi dan dokumen berkaitan. Jika terdapat sebarang

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

perubahan bagi tarikh-tarikh tersebut, ianya akan ditunjukkan dalam Endorsmen yang dikeluarkan oleh kami.

Berapakah nilai yang anda patut insuranskan kereta anda?

Supaya lebih selesa, anda perlu menginsuranskan kereta anda mengikut nilai pasaran semasa (lihat takrif 'Nilai Pasaran' dalam Seksyen F). Dalam kata yang mudah, ini adalah kos semasa untuk menggantikan kereta anda dengan kereta yang sama buatannya, modelnya, umurnya dan keadaannya. Amaun yang anda pilih untuk menginsuranskan kereta anda dikenali sebagai amaun diinsuranskan (sum insured) Sila ambil perhatian bahawa anda boleh didenda jika kereta anda diinsuranskan pada amaun yang kurang daripada nilai pasaran sebenar (lihat Bahagian A2e – 'Insurans Terkurang').

Contohnya, jika nilai pasaran kereta anda ialah RM100,000 tetapi anda hanya menginsuranskannya pada nilai RM80,000, maka anda boleh didenda kerana insurans terkurang. Andaikan kerugian yang ditaksir sebanyak ***RM5,000****, kami berhak tidak membayar jumlah sepenuhnya tetapi sebaliknya anda perlu menanggung sebahagian daripada kerugian itu, mengikut kadar insurans terkurang seperti berikut:*

$$\frac{\text{Amaun Diinsuranskan}}{\text{Nilai Pasaran}} \times \text{Kerugian} = \frac{\text{RM80,000}}{\text{RM100,000}} \times \text{RM5,000} = \underline{\textbf{RM4,000}}$$

Oleh itu, kami akan membayar ***RM4,000*** *sementara baki* ***RM1,000 akan ditanggung oleh anda sendiri****.*

Anda hanya akan didenda seperti yang ditunjukkan di atas jika perbezaan di antara nilai pasaran kereta anda dengan amaun diinsuranskan melebihi 10%. Namun, adalah juga menjadi satu pembaziran jika insurans terlebih kerana syarikat insurans tidak akan membayar lebih dari nilai pasaran. Satu cara bagi mengatasi masalah insurans terkurang atau terlebih ialah dengan memilih amaun diinsuranskan yang ditentukan oleh sistem penilaian nilai pasaran yang diluluskan oleh syarikat insurans anda.

Apakah Diskaun Tanpa Tuntutan (No Claim Discount –"NCD")?

Ini merupakan suatu ganjaran yang diberi dalam bentuk diskaun jika anda tidak membuat tuntutan dalam tempoh insurans sebelum ini (dengan syarat tempoh insurans tersebut melebih setahun). Skala NCD yang digunakan dinyatakan secara khusus di dalam polisi ini.
Anda boleh menyemak NCD berkenaan dengan kami atau melalui Pangkalan Data Pusat NCD (Central NCD Database ("CND")) di https://www.mycarinfo.com.my/ncdcheck/online sebelum membeli Polisi Kereta Persendirian anda.

Apakah Maksud Ekses?

Ini adalah amaun pertama yang anda terpaksa tanggung sendiri bagi setiap tuntutan yang kami luluskan, walaupun kejadian itu bukan salah anda. Sila ambil perhatian, walau bagaimanapun, ekses tersebut tidak akan dikenakan jika kerugian atau kerosakan yang dialami adalah akibat kebakaran, letupan, disambar kilat, pecah masuk, pecah rumah, kecurian, kerosakan harta pihak ketiga atau tuntutan kecederaan tubuh badan pihak ketiga. Sila semak Jadual polisi anda untuk mengetahui amaun yang anda kena tanggung. Ekses ini dirujuk sebagai Endorsmen 1 atau 2 di dalam polisi anda. Sila ambil perhatian bahawa di samping itu, terdapat juga Ekses Wajib (lihat Seksyen A2g) di mana anda juga mungkin terpaksa menanggung ekses tambahan sebanyak RM400 jika anda atau orang yang memandu kereta anda:

- *di bawah umur 21 tahun;*
- *pemegang lesen memandu sementara (P) atau percubaan (L); atau*
- *tidak dinamakan dalam Jadual polisi sebagai pemandu dinamakan.*

Contohnya, jika tuntutan yang harus kami bayar sebanyak RM10,000 tetapi polisi anda mengenakan Ekses sebanyak RM500, anda terpaksa menanggung sendiri RM500 yang pertama dan kami akan membayar baki RM9,500. Tetapi jika pemandu berkenaan di bawah umur 21 tahun, maka anda mesti menanggung ekses tambahan sebanyak RM400. Dengan menggunakan contoh yang sama, anda sekarang terpaksa menanggung RM900 (iaitu RM500 + RM400) dan kami akan membayar RM9,100.

Perkara yang Patut dan yang Tidak Patut Dilakukan *– setelah anda mengalami kemalangan atau kecurian.*

- ***Patut Dilakukan:***
  - *maklumkan kepada kami secepat mungkin tentang sebarang kejadian yang barangkali berakhir dengan tuntutan;*
  - *laporkan semua kemalangan kepada polis dalam tempoh 24 jam sepertimana yang dikehendaki oleh undang-undang;*
  - *serahkan dengan segera kepada kami kesemua surat, tuntutan, writ, saman yang anda terima daripada pihak ketiga akibat kejadian tersebut;*
  - *hantar kereta anda ke Pembaiki Diluluskan untuk dibaiki atau untuk membaiki cermin depan atau menggantikannya;*
  - *isikan dengan lengkap bahagian yang berkaitan dalam borang tuntutan – jangan tulis "rujuk kepada laporan polis"; dan*
  - *jika anda mempunyai perlindungan Komprehensif dan pihak ketiga yang melanggar kereta anda adalah jelas bersalah, anda dinasihatkan untuk membuat tuntutan kerosakan sendiri Knock for Knock (Kfk) kepada kami untuk mempercepatkan proses tuntutan. Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) anda tidak akan terjejas dan anda boleh menuntut ekses yang anda telah bayar daripada syarikat insurans pihak ketiga.*

- ***Tidak Patut Dilakukan:***
  - *berunding, mengaku atau menolak sebarang tuntutan tanpa persetujuan kami (lihat Syarat 2 dalam Seksyen E); dan*
  - *memberikan kebenaran untuk membaiki tanpa persetujuan kami (lihat Syarat 2f dalam Seksyen E).*

Syarat 2 polisi anda (lihat Seksyen E) menerangkan dengan lebih terperinci di mana perkara yang patut dan yang tidak patut dilakukan selepas kemalangan atau kecurian.

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

STAMP DUTY PAID

POLISI KERETA PERSENDIRIAN

NOTIS AMARAN

1. **Semua kemalangan hendaklah dilaporkan kepada Pihak Polis dalam jangkamasa 24 jam.**
2. **Adalah satu kesalahan di sisi undang-undang untuk memasuki Republik Singapura tanpa mendapatkan jaminan Motor Insurans jenis liabiliti penumpang. Sekiranya anda perlukan jaminan ini, sila hubungi ejen kami atau ke cawangan kami yang berdekatan untuk keterangan lanjut**

Perjanjian antara Kita

A. Jika **Kereta Anda** digunakan untuk sebarang tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, syarat di bawah akan diguna pakai:

Kontrak Insurans Pengguna

Polisi ini dikeluarkan sebagai balasan kepada bayaran premium seperti yang ditentukan dalam Jadual **Polisi** dan berdasarkan jawapan yang **Anda** berikan dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** memohon insurans ini) serta lain-lain pendedahan yang **Anda** buat di antara waktu Borang Cadangan diserahkan (atau semasa **Anda** memohon insurans ini) dan waktu kontrak ini mula berkuat kuasa. Jawapan serta apa-apa pendedahan lain yang **Anda** beri akan dijadikan asas kepada kontrak insurans di antara **Anda** dan **Kami**. Walau bagaimanapun, jika berlaku apa-apa salah nyataan bersabit jawapan **Anda** atau apa-apa pendedahan lain yang **Anda** berikan di peringkat pra-kontrak, hanya remedi dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini mencerminkan terma dan syarat kontrak insurans yang dipersetujui di antara **Anda** dan **Kami**.

B. Jika **Kereta Anda** digunakan untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, syarat di bawah akan diguna pakai:

Kontrak Insurans Komersial

Polisi ini dikeluarkan sebagai balasan bayaran premium seperti yang ditentukan dalam Jadual **Polisi** dan berdasarkan jawapan yang **Anda** berikan dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** memohon insurans ini) serta lain-lain pendedahan yang **Anda** buat di antara waktu Borang Cadangan diserahkan (atau semasa **Anda** memohon insurans ini) dan waktu kontrak ini mula berkuat kuasa. Jawapan serta apa-apa pendedahan lain yang **Anda** beri akan dijadikan asas kepada kontrak insurans di antara **Anda** dan **Kami**. Jika berlaku apa-apa salah nyataan bersabit jawapan **Anda** atau apa-apa pendedahan lain yang **Anda** berikan di peringkat pra-kontrak, boleh menyebabkan **Kami** mengelak kontrak insurans, menolak atau mengurangkan tuntutan **Anda**, menukar terma atau menamatkan kontrak insurans **Anda**.

Polisi ini mencerminkan terma dan syarat kontrak insurans yang dipersetujui di antara **Anda** dan **Kami**.

Seksyen A: Kerugian atau Kerosakan pada Kereta Anda Sendiri

*Seksyen ini menjelaskan apa yang **Kami** lindungi di bawah Seksyen A dan ia hanya boleh diguna pakai jika **Anda** memperolehi Perlindungan Komprehensif.*

1a: Kejadian yang Kami Lindungi

Kami akan mengganti kerugian **Anda** jika **Kereta Anda** hilang atau rosak dalam **Tempoh Insurans** akibat **Kejadian-Kejadian** berikut:

(i) berlanggar atau terbalik akibat kemalangan;
(ii) berlanggar atau terbalik akibat kerosakan mekanikal;
(iii) berlanggar atau terbalik akibat haus dan lusuh;
(iv) rosak akibat dihempap objek jatuh dengan syarat ini tidak bersabit banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah ataupun konvulsi semula jadi yang lain;
(v) kebakaran, letupan atau di sambar kilat;
(vi) pecah cermin depan / belakang, tingkap atau tingkap bumbung matahari termasuk filem salutan / mewarna jika ada;

*Walau bagaimanapun NCD akan terjejas jika **Anda** membuat tuntutan pecah cermin tanpa memperolehi **Endorsmen 89** terlebih dahulu.*

FOR CUSTOMERS REFERENCE ONLY

(vii) pecah masuk, pecah rumah atau kecurian;
(viii) perbuatan niat jahat; atau
(ix) semasa dalam transit iaitu, semasa **Kereta Anda** dibawa dari suatu tempat ke tempat yang lain (termasuk semasa punggah memunggah) melalui:

a. **Jalan**;
b. Jalan kereta api;
c. laluan air pendalaman, contohnya menyeberangi sungai atau terusan dsb.; atau
d. laluan laut terus merentasi selat antara Pulau Pinang dan Semenanjung sahaja.

*Dengan membayar premium tambahan, **Polisi Anda** boleh diperluaskan untuk perlindungan transit feri di antara Sabah dan Labuan (**Endorsmen 109**).*

1b: Kejadian yang Kami Tidak Lindungi

Kejadian yang Kami tidak lindungi merupakan pengecualian-pengecualian yang tersenarai di bawah. Pengecualian ini khusus untuk Seksyen A dan adalah tambahan kepada pengecualian yang tersenarai dalam Seksyen D dan Endorsmen yang berkaitan

Kami tidak akan membayar kerugian berikut:

(i) ***Kerugian Turutan***
Apa-apa jenis kerugian langsung atau tak langsung yang terbit turutan dari sebarang **Kejadian** selain yang diberikan di bawah Seksyen A2.

(ii) ***Hilang Kegunaan Kereta Anda***
Apa-apa perbelanjaan atau kerugian kewangan sampingan yang **Anda** tanggung kerana tidak dapat gunakan **Kereta Anda** contohnya kos menyewa kereta gantian, tambang pengangkutan dsb.

*Dengan membayar premium tambahan, **Polisi Anda** boleh diperluaskan untuk bayaran harian bagi tempoh yang dipersetujui. (**Endorsmen 112**)*

(iii) ***Susut Nilai***
Penurunan nilai **Kereta Anda** akibat kerosakan yang dialami atau jangka masa yang diambil untuk membaiki **Kereta**, dan / atau sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan haus dan lusuh, karat dan hakisan kerana telah melalui jangka masa umur.

(iv) ***Kerosakan atau Kepincangan Tugas (Malfungsi) Peralatan***
Sebarang kerosakan mekanikal, elektrik atau elektronik, kepincangan tugas peralatan atau komputer, atau apa-apa saja kegagalan atau kerosakan terhadap fungsi **Kereta Anda**.

(v) ***Kerosakan pada Tayar***
Sebarang kerosakan pada tayar **Kereta Anda** kecuali jika bahagian-bahagian lain **Kereta Anda** juga turut rosak pada masa yang sama.

(vi) ***Malapetaka Alam***
Sebarang kerugian atau kerosakan pada **Kereta Anda** akibat banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah ataupun malapetaka alam yang lain.

(vii) ***Ekses***
Amaun **Ekses** yang dinyatakan di dalam **Jadual Polisi**. Amaun inilah yang **Anda** kena tanggung terlebih dahulu bagi setiap tuntutan di bawah **Polisi** ini.

(viii) ***Kehilangan Data Elektronik***
Kehilangan data elektronik dan sebarang akibat yang timbul daripada keadaan itu, secara langsung atau tidak langsung kerana disebabkan atau berkaitan dengan virus komputer. Ini termasuk keadaan di mana ia tidak boleh digunakan, fungsinya berkurangan atau apa-apa kerugian atau perbelanjaan yang berkaitan dengan data elektronik.

(ix) ***Penipuan atau Pecah Amanah Jenayah***
Apa-apa kerugian atau kerosakan, termasuk kecurian yang disebabkan oleh atau berpunca daripada perbuatan **Penipuan** atau **Pecah Amanah Jenayah** oleh sesiapa sahaja.

2: Asas Penyelesaian Tuntutan

*Seksyen ini menerangkan bagaimana **Kami** boleh menyelesaikan tuntutan **Anda** sekiranya **Kami** memutuskan bahawa tuntutan itu layak dibayar mengikut Seksyen A. Jika **Kereta Anda** rosak akibat sebarang **Kejadian**, **Kami** mempunyai pilihan untuk*

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

melakukan seperti berikut:

*a. **Jika Kereta Anda Boleh Dibaiki***

Jika pada pendapat **Kami** lebih berhemat **Kereta Anda** dibaiki, **Kami** boleh pilih sama ada untuk:

- mengatur supaya **Kereta Anda** boleh dibaiki di **Pembaiki Diluluskan** dan membayar kos membaiki **Kereta Anda** supaya sehampir mungkin berada dalam keadaan seperti sedia kala sepertimana sebelum berlaku kerosakan;
- membayar **Anda** secara tunai jumlah yang **Kami** anggarkan wajar untuk membaiki **Kereta Anda**; atau
- mengembalikan atau mengganti **Kereta Anda** dengan kereta yang sama buatannya, modelnya, umurnya dan keadaan umumnya.

*b. **Jika Kereta Anda Tidak Boleh Dibaiki***

Jika pada pendapat **Kami**, kerosakan pada **Kereta Anda** sangat teruk dan tidak selamat atau berhemat dibaiki, **Kami** akan mengisyitiharkan **Kereta Anda** sebagai "Tidak Berhemat Dibaiki" ("*Beyond Economic Repair*" atau **BER**) dan **Kami** akan membayar **Anda** amaun maksimum seperti yang dinyatakan pada perenggan (d) di bawah. **Kami** juga boleh memilih untuk mengganti **Kereta Anda** dengan kereta yang sehampir mungkin sama buatannya, modelnya, umurnya dan keadaan umumnya. Jika **Kami** mengambil mana-mana tindakan ini, **Polisi** ini akan ditamatkan secara automatik setelah **Kami** membuat pembayaran.

*Dalam keadaan di mana jurang perbezaan penilaian **Nilai Pasaran** oleh pemegang francais lebih daripada 10%, **Kami** juga mempunyai pilihan menawarkan amaun bersamaan dengan kos mengganti **Kereta Anda** dengan kereta yang sehampir mungkin sama buatannya, modelnya, umurnya dan keadaan umumnya pada masa kerugian berlaku. Pilihan untuk menawarkan gantian **Kereta** masih dipegang, jika **Anda** tidak setuju dengan tawaran ini.*

*c. **Penggantian Alat-Alat Ganti***

Jika alat ganti atau **Aksesori** yang diperlukan untuk membaiki **Kereta Anda** tidak terdapat di Malaysia, atau sekiranya **Kami** memilih untuk membayar kerugian atau kerosakan tersebut secara tunai, **Kami** akan selesaikan tuntutan **Anda** berdasarkan berikut:

- Mengikut senarai harga terakhir yang dikeluarkan di Malaysia oleh pengilang atau agen mereka. Jika senarai harga tidak wujud di Malaysia, **Kami** akan menggunakan harga di kilang pengeluaran dan ditambah dengan kos pengangkutan yang munasabah ke Malaysia (tetapi bukan kos kargo udara); dan
- kos buruh yang munasabah untuk memasang alat ganti atau **Aksesori** di Malaysia.

*d. **Amaun Maksimum yang Kami akan Bayar Anda***

Jika **Kereta Anda** Tidak Dapat Dibaiki Secara Berhemat (**BER**) atau dicuri dan tidak dapat jumpa semula, amaun yang boleh dibayar di bawah **Polisi** ini adalah mengikut **Nilai Pasaran** pada masa kerugian atau **Amaun Diinsuranskan** seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual Polisi,** mengikut yang mana yang lebih rendah. Sebaik sahaja amaun tersebut dibayar, **Polisi** ini akan ditamatkan secara automatik. **Nilai Pasaran** akan ditentukan mengikut Fasal 14 dan 15 Seksyen F.

*e. **Insurans Terkurang***

Jika **Amaun Diinsuranskan** bagi **Kereta Anda** didapati kurang daripada **Nilai Pasaran** pada masa berlakunya kerugian, **Kami** akan hanya menanggung sebahagian kerugian setimpal dengan perbezaan di antara **Nilai Pasaran** dan **Amaun Diinsuranskan** mengikut formula di bawah:

$$\frac{\textbf{Amaun Diinsuranskan}}{\textbf{Nilai Pasaran}} \times \text{Kerugian Tertaksir}$$

Bakinya hendaklah ditanggung oleh **Anda** sendiri. Walau bagaimanapun, denda ini hanya akan dikenakan jika amaun insurans yang terkurang melebihi 10% daripada **Nilai Pasaran**.

*f. **Penambahbaikan (Betterment)***

Jika alat ganti asli yang baharu digunakan untuk membaiki **Kereta Anda** dan ini menyebabkan **Kereta Anda** berada dalam keadaan yang lebih baik daripada keadaannya sebelum kerosakan berlaku, **Anda** diperlukan menyumbang terhadap penambahbaikan itu, dengan menanggung sebahagian kos alat ganti baharu dan asli tersebut. Skala sumbangan **Anda** adalah berdasarkan seperti berikut:

Umur Kereta Anda (Tahun)	Kadar Penambahbaikan
Kurang daripada 5 tahun	0
5	15%
6	20%
7	25%
8	30%
9	35%
10 dan ke atas	40%

Kadar penambahbaikan yang diguna pakai akan ditentukan oleh umur **Kereta Anda** yang akan dihitung berdasarkan tahun pada asalnya ia didaftarkan di Malaysia:

a. sebagai kereta tempatan	*Tarikh Pendaftaran Asal*
b. sebagai kereta baharu import unit siap dipasang (CBU)	*Tahun Buatan*

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

c. sebagai kereta import terpakai / telah digunakan / disesuaikan semula	*Tahun Buatan*

g. ***Ekses Wajib*** *(lihat Seksyen 'Apakah Maksud Ekses?' untuk penjelasan lanjut tentang ekses)*
Di samping **Ekses** yang ditunjukkan di dalam **Jadual Polisi**, **Kami** berhak potong RM400 lagi sebagai **Ekses** Wajib jika pada waktu berlakunya **Kejadian**, **Anda** atau orang yang memandu **Kereta Anda** dengan izin **Anda**:

- adalah di bawah umur 21 tahun;
- memegang lesen memandu Percubaan (P) atau Sementara (L); atau
- tidak dinamakan di dalam **Jadual Polisi** sebagai **Pemandu Dinamakan**;

Kami tidak akan potong **Ekses** tambahan RM400 ini jika kerugian atau kerosakan adalah disebabkan kebakaran, letupan, disambar kilat, pecah masuk, pecah rumah, kecurian, kerosakan harta pihak ketiga atau tuntutan kecederaan tubuh badan pihak ketiga.

3: Kos Menunda

Jika **Kereta Anda** tidak boleh dipandu kerana rosak akibat **Kejadian** yang dilindungi di bawah **Polisi** ini, **Kami** akan membayar hingga RM200 maksimum bagi kos munasabah untuk menunda **Kereta Anda** ke **Pembaiki Diluluskan** yang terdekat atau ke tempat simpanan yang selamat sementara menunggu dibaiki atau dihapuskan.

Seksyen B: Liabiliti Terhadap Pihak Ketiga

Seksyen ini menerangkan apa yang dilindungi dan apa yang tidak dilindungi di bawah Seksyen B.

1a: Apa yang Dilindungi?

Kami akan mengganti rugi amaun yang **Anda** dan / atau **Pemandu Dibenarkan** perlu bayar mengikut undang-undang kepada mana-mana pihak ketiga (termasuk kos dan perbelanjaan pihak ketiga) atas sebab:

(i) kematian atau kecederaan tubuh badan mana-mana orang melainkan mereka yang dikecualikan secara khusus di dalam **Polisi** ini; dan / atau

(ii) kerosakan terhadap harta melainkan harta kepunyaan mereka yang dikecualikan secara khusus di dalam **Polisi** ini

akibat **Kejadian** yang berpunca dari penggunaan **Kereta Anda** di **Jalan**. Perlindungan ini diperluaskan kepada **Pemandu Dibenarkan** dengan syarat **Pemandu Dibenarkan** itu mematuhi semua terma dan syarat **Polisi** ini.

1b: Apa yang Tidak Dilindungi?

Pengecualian berikut adalah khusus untuk Seksyen B dan adalah tambahan bagi Pengecualian yang dinyatakan di dalam Seksyen D **Polisi** ini serta mana-mana **Endorsmen** yang berkaitan. Kami tidak akan membayar bagi:

(i) kematian atau kecederaan tubuh badan kepada mana-mana penumpang yang dibawa untuk tujuan sewaan atau mengutip tambang;

(ii) kematian atau kecederaan tubuh badan kepada mana-mana orang di mana kematian atau kecederaan tersebut berlaku berpunca daripada dan semasa orang berkenaan melaksanakan tugasan dengan **Anda** atau dengan **Pemandu Dibenarkan**;

> *Di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, polisi ini tidak dikehendaki melindungi, kecuali dalam hal kenderaan motor yang membawa penumpang untuk sewa atau upah atau disebabkan oleh atau menurut suatu kontrak pekerjaan, liabiliti berkenaan dengan kematian atau kecederaan tubuh badan yang dialami oleh orang yang dibawa di dalam atau di atas kenderaan itu atau yang memasuki atau menaiki atau turun daripadanya semasa berlakunya kejadian itu yang menyebabkan timbulnya tuntutan tersebut;*

> ***Semasa dalam tugasan*** *- Mana-mana orang yang mati atau cedera (sama ada sebagai penumpang atau tidak) semasa berada di dalam atau di atas* ***Kereta*** *di mana ini adalah sebahagian dari tugasnya dengan pihak yang dilindungi contoh sebagai pencuci kereta, mekanik dsb.*

(iii) kerosakan terhadap harta kepunyaan, atau di bawah jagaan atau di bawah kawalan atau diamanahkan kepada **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** dan / atau mana-mana **Ahli Keluarga Anda** atau **Ahli Keluarga Pemandu Dibenarkan**;

(iv) liabiliti kepada mana-mana orang yang dibawa di dalam atau di atas atau memasuki atau turun dari **Kereta Anda** kecuali dia dikehendaki dibawa dengan sebab atau bagi tujuan melaksanakan kontrak pekerjaannya dengan **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** dan / atau majikannya;

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

> ***Semasa melaksanakan kontrak pekerjaan*** *– Penumpang yang terpaksa dibawa ke suatu tempat untuk menjalankan tugas sebagaimana yang diperuntukkan dalam kontrak pekerjaan.*

> ***Liabiliti terhadap penumpang*** *selain dari:*
> *a. penumpang yang dibawa untuk tujuan sewaan atau mengutip tambang;*
> *b. pekerja yang sedang melaksanakan kontrak pekerjaan; atau*
> *c.* ***Ahli Keluarga Anda*** *atau* ***Ahli Keluarga Pemandu Dibenarkan*** *kecuali dia terpaksa dibawa di dalam* ***Kereta Anda*** *untuk menjalankan tugas seperti yang diperuntukkan dalam kontrak pekerjaan;*
>
> *boleh diinsuranskan secara berasingan dengan premium tambahan di bawah* ***Endorsmen 100****. Jika* ***Anda*** *telah mempunyai* ***Endorsmen*** *ini,* ***Anda*** *perlu merujuk kepada teks penuh* ***Endorsmen 100: Liabiliti di sisi Undang-undang terhadap Penumpang*** *mengenai apa yang dilindungi atau dikecualikan serta syarat yang terpakai untuk* ***Endorsmen*** *ini.*

(v) liabiliti yang disebabkan oleh penumpang yang menaiki atau turun dari **Kereta Anda**;

> ***Liabiliti bagi kemalangan yang disebabkan oleh penumpang Anda*** *mungkin boleh diinsuranskan secara berasingan dengan premium tambahan di bawah* ***Endorsmen 72****.* ***Anda*** *perlu merujuk teks penuh* ***Endorsmen 72: Liabiliti Penumpang di sisi Undang-undang kerana Perbuatan Cuai*** *mengenai apa yang dilindungi atau dikecualikan serta syarat yang terpakai untuk* ***Endorsmen*** *ini.*

(vi) apa-apa tuntutan yang dibawa terhadap **Anda** oleh mana-mana pemandu **Kereta Anda**, sama ada dibenarkan atau tidak;

(vii) apa-apa tuntutan yang dibawa ke mahkamah terhadap mana-mana orang di mana-mana negara di luar Malaysia, Republik Singapura atau Negara Brunei Darussalam; dan / atau

(viii) semua kos dan perbelanjaan perundangan yang tidak tertanggung atau boleh dituntut balik di Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam.

2: Had Liabiliti Kami

Kami akan membayar sehingga amaun berikut bagi mana-mana satu tuntutan, atau satu siri tuntutan yang timbul akibat satu **Kejadian**, dalam mana-mana satu **Tempoh Insurans**:

(i) kematian atau kecederaan tubuh badan pihak ketiga - tidak terhad; dan / atau
(ii) kerosakan harta pihak ketiga sehingga RM3,000,000 had maksimum.

> *Dengan membayar premium tambahan, had liabiliti untuk kerosakan harta pihak ketiga boleh diperluaskan sehingga RM20,000,000. (****Endorsmen 105****)*

3: Perlindungan untuk Wakil Sah Di sisi Undang-undang

Berikutan kematian mana-mana orang yang dilindungi di bawah **Polisi** ini, **Kami** akan mengganti rugi wakil sah di sisi undang-undang orang tersebut bagi liabiliti yang dilindungi di bawah Seksyen ini, dengan syarat wakil berkenaan mematuhi semua terma dan syarat **Polisi** ini.

4: Kos Guaman

Jika **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** dihadapkan pertuduhan memandu secara melulu dan berbahaya atau memandu secara cuai atau tidak bertimbang rasa di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau sebarang kesalahan yang berkaitan dengan **Kejadian** tersebut, **Kami** akan membayar kos guaman yang ditanggung sehingga amaun maksimum RM2,000 kerana membela **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** asalkan kos tersebut ditanggung di Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam dan persetujuan bertulis daripada **Kami** telah diperoleh terlebih dahulu.

Kami hanya akan membayar kos guaman dan sebarang penalti yang dikenakan terhadap **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** tidak akan dibayar.

5: Hak Tuntut Balik

Kami berhak tidak membayar ganti rugi kepada **Anda** jika **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** telah memungkiri mana-mana

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

syarat **Polisi** atau jika tuntutan terkeluar dari skop perlindungan yang **Kami** beri di bawah **Polisi** ini. Walau bagaimanapun, jika **Kami** dikehendaki oleh undang-undang yang dikuat kuasakan di Malaysia, Republik Singapura, atau Negara Brunei Darussalam untuk membayar sebarang jumlah penghakiman (*judgment sum*) berkaitan dengan sesuatu tuntutan di bawah Seksyen B **Polisi** yang jika tidak kerananya **Kami** tidak perlu membayarnya, **Kami** berhak meminta **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** membayar balik kepada **Kami** amaun yang dibayar itu termasuk sebarang kos yang ditanggung.

Seksyen C: Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD)

Seksyen ini menjelaskan sistem ganjaran yang dikenali sebagai "Diskaun Tanpa Tuntutan" atau "No Claim Discount" (NCD).

1. ***Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD)***
   Jika **Anda** telah menginsuranskan **Kereta Anda** selama 12 bulan secara berterusan dan **Anda** atau sesiapa yang lain tidak membuat apa-apa tuntutan terhadap **Polisi** ini dalam tempoh tersebut, suatu Diskaun Tanpa Tuntutan (*NCD*) akan diberikan setiap kali **Polisi** diperbaharui. Diskaun Tanpa Tuntutan ini akan meningkat setiap tahun **Polisi** diperbaharui selagi **Anda** terus tidak membuat tuntutan mengikut peratusan berikut:

Insurans bebas tuntutan mengikut tahun	Kelayakan NCD
Selepas 1 tahun berterusan tanpa tuntutan	25%
Selepas 2 tahun berterusan tanpa tuntutan	30 %
Selepas 3 tahun berterusan tanpa tuntutan	38 1/3%
Selepas 4 tahun berterusan tanpa tuntutan	45%
Selepas 5 tahun berterusan tanpa tuntutan dan seterusnya.	55%

2. ***Satu Tuntutan dan Diskaun Tanpa Tuntutan Anda Menjadi Sifar***
   Jika **Anda** atau sesiapa yang lain mengalami **Kejadian** yang menyebabkan tuntutan terhadap **Polisi** ini, kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan yang **Anda** telah kumpulkan akan menjadi sifar semasa pembaharuan seterusnya dan proses mengumpul Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda** terpaksa dimulakan semula. Jika sesuatu tuntutan diterima selepas Diskaun Tanpa Tuntutan diberikan, **Kami** berhak menuntut semula daripada **Anda** Diskaun Tanpa Tuntutan yang telah diberikan.

3. ***Pengecualian Bagi Peraturan Ini***
   Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda** tidak akan terjejas walaupun tuntutan dibuat jika:
   - **Kami** berpendapat bahawa **Anda** tidak bersalah menyebabkan kerugian tersebut;
   - kenderaan yang bersalah itu boleh dikenal pasti dan ia bukan kenderaan yang digunakan untuk membawa penumpang bagi tujuan sewaan atau mengutip tambang (contohnya teksi, kereta sewa, bas awam, bas henti-henti, bas sekolah dan bas kilang untuk disewa);
   - kenderaan yang bersalah itu diinsuranskan oleh syarikat insurans berlesen di Malaysia; dan
   - tuntutan berkenaan tidak melibatkan kematian atau kecederaan tubuh badan.

4. ***Diskaun Tanpa Tuntutan Anda tidak boleh Dipindah milik***
   Diskaun Tanpa Tuntutan adalah hak peribadi **Anda** dan ini bermakna jika **Anda** menjual **Kereta Anda** dan **Kami** bersetuju memindahkan **Polisi** ini kepada pemilik baharu, Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda** tidak boleh dipindahkan bagi manfaat pemilik baharu itu.

5. ***Jika Diskaun Tanpa Tuntutan tidak Digunakan***
   Bagi setiap tahun di mana Diskaun Tanpa Tuntutan tidak digunakan oleh **Anda**, Diskaun Tanpa Tuntutan yang terkumpul itu dan diguna pakai untuk **Polisi** ini akan berkurangan setiap tahun ia tidak digunakan mengikut skala tertera di jadual dalam fasal C1 di atas.

Seksyen D: Pengecualian Am – ini diguna pakai bagi keseluruhan Polisi

*Seksyen ini menyenaraikan keadaan yang tidak dilindungi oleh **Polisi** in ketika berlaku **Kejadian**. Ini merupakan pengecualian tambahan pada yang telah disenaraikan dalam Seksyen A1b dan B1b.*

1. ***Pemandu Tanpa Lesen***
   Polisi ini tidak memberi perlindungan jika **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** tidak mempunyai lesen yang sah untuk memandu **Kereta Anda**. Pengecualian ini tidak dikuat kuasakan sekiranya **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan memiliki atau memperolehi lesen memandu di bawah undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan yang ada.

2. ***Arak, Dadah dan Bahan-bahan Lain yang Memabukkan***
   Polisi ini tidak memberi perlindungan jika **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** memandu di bawah pengaruh minuman keras atau arak yang memabukkan, narkotik, dadah berbahaya atau dadah-dadah lain yang memudaratkan atau bahan yang memabukkan sehingga **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** tidak dapat mengawal **Kereta Anda** dengan baik.

   __Anda__ atau __Pemandu Dibenarkan__ akan dianggap tidak dapat mengawal __Kereta Anda__ dengan sewajarnya jika selepas toksikologi atau ujian setara dengannya, ia menunjukkan bahawa tahap alkohol di dalam nafas , darah atau air kencing __Anda__ atau __Pemandu Dibenarkan__ lebih tinggi daripada had yang ditetapkan menurut Seksyen 45G (1) Akta

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

Pengangkutan Jalan 1987 daripada 80mg alkohol di dalam 100ml darah (atau setara bagi nafas atau air kencing) atau apa sahaja undang-undang yang sedang berkuat kuasa pada masa itu.

3. ***Tuntutan Palsu dan Melampau***
Mana-mana tuntutan palsu atau yang sengaja dilebih-lebihkan secara menipu, atau jika **Anda** atau sesiapa yang bertindak bagi pihak **Anda**, menggunakan cara palsu bagi mendapat sebarang manfaat di bawah **Polisi** ini, keseluruhan tuntutan tidak akan dibayar atau berbayar. Jika **Kami** terpaksa juga membuat bayaran bagi sebarang tuntutan kepada pihak ketiga, **Kami** berhak menuntut kembali jumlah yang telah dibayar dan apa-apa kos yang ditanggung daripada **Anda.**

4. ***Penggunaan Kereta secara Menyalahi Undang-undang***
Polisi ini tidak memberi perlindungan jika **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** menggunakan **Kereta Anda** untuk tujuan yang menyalahi undang-undang atau cuba menyalahi undang-undang, iaitu, melanggar undang-undang jenayah atau undang-undang yang diiktiraf oleh negara di mana **Kereta Anda** digunakan.

5. ***Penggunaan Kereta untuk Berlumba dsb.***
Polisi ini tidak memberi perlindungan jika **Anda** menggunakan atau mengizinkan **Pemandu Dibenarkan** untuk menggunakan **Kereta Anda**:

a. untuk berlatih atau untuk mengambil bahagian dalam mana-mana sukan bermotor, pertandingan (selain acara mencari harta karun) rali, perentak perlumbaan (*pacemaking*), ujian keandalan (*reliability trial*) atau ujian kelajuan; atau
b. di mana-mana litar perlumbaan.

*Dengan membayar premium tambahan, **Polisi Anda** boleh diperluaskan untuk melindungi **Kereta Anda** bagi tujuan ujian keandalan atau pertandingan jika **Anda** membeli perluasan perlindungan yang ditetapkan {**Endorsmen 24(c)** atau **24(d)**}.*

6. ***Penggunaan Kereta di Luar Malaysia***
Kecuali **Kami** setuju sebaliknya, insurans ini tidak melindungi **Anda** terhadap tuntutan yang timbul semasa **Kereta Anda** digunakan atau dipandu di luar Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam. Tanggungan **Kami** di bawah **Polisi** ini di Malaysia tertakluk pada Akta Pengangkutan Jalan 1987 serta terma dan syarat **Polisi** ini dan tanggungan **Kami** di luar Malaysia adalah tertakluk pada terma dan syarat **Polisi** ini sahaja.

*Dengan membayar premium tambahan, **Polisi Anda** boleh diperluaskan untuk melindungi penggunaan **Kereta Anda** di Thailand atau Kalimantan sahaja jika **Anda** membeli perluasan perlindungan yang ditetapkan. (**Endorsmen 101** dan **102**).*

7. ***Gagal mengambil Langkah-langkah Pencegahan***
Kami tidak akan membayar sebarang tambahan jika selepas suatu **Kejadian** atau kerosakan, **Anda**:

a. membiarkan **Kereta Anda** tanpa dijaga atau **Anda** gagal mengambil langkah wajar untuk mencegah kerugian atau kerosakan tambahan; atau
b. terus memandu **Kereta Anda** dalam keadaan ia tidak wajar digunakan sebelum melakukan sebarang pembaikan.

Kami juga tidak akan membayar mana-mana tuntutan yang timbul jika semasa menggunakan **Kereta Anda**, **Anda** tidak mengambil tindakan munasabah bagi memastikan **Kereta Anda** selamat. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada membiarkan **Kereta Anda** tanpa pengawasan semasa tidak dikunci atau dengan kuncinya berada di dalam atau di atas **Kereta Anda**.

8. ***Risiko Peperangan***
Polisi ini tidak memberi perlindungan bagi apa-apa kerugian atau liabiliti (termasuk kos membela sebarang tindakan) dalam apa juga cara, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang berkaitan dengan:

a. peperangan, penaklukan, tindakan musuh luar negara, permusuhan atau operasi seakan-akan peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan ataupun tidak) perang saudara, **Tindakan Keganasan**, dahagi, pemberontakan atau revolusi; atau
b. mogok, rusuhan atau kekacauan awam yang meningkat hingga boleh dikatakan sebagai suatu pemberontakan atau revolusi atau rampasan kuasa tentera.

*Dengan membayar premium tambahan, **Polisi Anda** boleh diperluaskan untuk melindungi mogok, rusuhan dan kekacauan awam (**Endorsmen 25**).*

9. ***Risiko Nuklear***
Polisi ini tidak memberi perlindungan bagi apa-apa kemalangan, **Kecederaan**, kerugian atau kerosakan terhadap sebarang harta atau sebarang kerugian atau liabiliti yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, terhasil daripada atau berkaitan (termasuk kerugian turutan serta kos untuk membela sebarang tindakan) dengan pengendalian yang menggunakan proses pembelahan atau gabungan nuklear, atau semasa mengendalikan bahan radioaktif tidak kira apa-apa sebab lain atau kejadian yang menyumbang serentak atau dalam apa-apa turutan kepada kerugian. Ini termasuk, tetapi tidak terbatas kepada:

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

a. penggunaan reaktor nuklear seperti longgokan atom, pemecut zarah atau generator dan alat-alat yang serupa dengannya;
b. penggunaan, pengendalian atau pengangkutan bahan radioaktif yang berkaitan dengan sebarang **Tindakan Keganasan**;
c. penggunaan, pengendalian atau pengangkutan apa-apa senjata atau alat letupan yang menggunakan pembelahan nuklear atau proses gabungan; atau
d. penggunaan, pengendalian atau pengangkutan bahan radioaktif;
e. pengionan radiasi daripada atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada mana-mana sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear; atau
f. bahan radioaktif, toksik, letupan atau bahan berbahaya atau pencemaran lain daripada apa-apa pemasangan nuklear atau komponen nuklear daripadanya.

10. Malapetaka Alam
Polisi ini tidak memberi perlindungan (kecuali dibeli secara khusus) bagi sebarang kerugian, kerosakan atau liabiliti akibat banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah / bumi atau malapetaka alam yang lain.

*Dengan membayar premium tambahan, **Polisi Anda** boleh diperluaskan untuk melindungi banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah dsb.(**Endorsmen 57**).*

11. Liabiliti Berkontrak
Kami tidak akan membayar apa-apa liabiliti yang berbangkit daripada sesuatu perjanjian, jika tanpa perjanjian tersebut **Kami** tidak bertanggungjawab.

12. Pemandu Tidak Dibenarkan
Berkenaan dengan gantirugi yang diperuntukkan di dalam **Polisi** ini, **Kami** tidak akan membayar mana-mana **Kejadian**, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang disebabkan atau berpunca semasa **Kereta Anda** dipandu oleh mana-mana orang selain daripada **Pemandu Dibenarkan** atau orang yang memandu atas arahan atau dengan kebenaran **Anda**.

Seksyen E: Syarat - Ini diguna pakai bagi keseluruhan Polisi

*Seksyen ini menjelaskan terma dan syarat yang mesti **Anda** patuhi bagi memastikan insurans ini terus berkuat kuasa. Pada dasarnya syarat-syarat ini ada tiga jenis:*
- *Apa yang **Anda** mesti lakukan*
- *Apa yang **Anda** tidak boleh lakukan*
- *Apa yang **Kami** boleh lakukan*

Prasyarat Terdahulu terhadap Liabiliti Polisi
Syarat-syarat berikut merupakan prasyarat bagi **Kami** bertanggungjawab melindungi **Anda** di bawah **Polisi** ini dan **Anda** mesti betul-betul mematuhinya. **Kami** berhak menolak **Polisi** ini dan / atau tidak akan membayar mana-mana tuntutan di bawah **Polisi** ini jika **Anda** melanggar mana-mana syarat. **Pemandu Dibenarkan** dan mana-mana wakil yang sah dari segi undang-undang yang mahu mendapat gantirugi di bawah **Polisi** ini turut tertakluk kepada syarat-syarat yang sama.

1. Kewajipan Pendedahan

Kewajipan pendedahan ini adalah berlainan untuk Kontrak Insurans Pengguna dan untuk Kontrak Insurans Komersial. Kedua-duanya dinyatakan berasingan seperti di bawah:

A. Kontrak Insurans Pengguna

Jika insurans yang **Anda** pohon ini tidak berkaitan sama sekali dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** berkewajipan mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab apa-apa soalan dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** membuat permohonan insurans ini) iaitu, **Anda** sepatutnya menjawab semua soalan dengan tepat dan sepenuhnya. Kegagalan mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab apa-apa soalan boleh menyebabkan **Kami** mengelak kontrak insurans, menolak atau mengurangkan tuntutan **Anda**, menukar terma atau menamatkan kontrak insurans **Anda** mengikut remedi-remedi yang diperuntukkan di bawah Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. **Anda** juga dikehendaki mendedahkan lain-lain perkara yang **Anda** tahu sebagai berkaitan kepada keputusan **Kami** sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.

Anda juga bertanggungjawab memberitahu **Kami** serta merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Anda** berkuat kuasa, semasa memohon dengan **Kami** untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang diberi di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** membuat permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

B. Kontrak Insurans Komersial

Jika insurans yang **Anda** pohon ini berkaitan sepenuhnya dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** bertanggungjawab mendedahkan apa-apa perkara yang **Anda** tahu sebagai berkaitan kepada keputusan **Kami** sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai serta apa-apa perkara seorang yang munasabah

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

dalam hal keadaan itu boleh dijangkakan tahu sebagai berkaitan, kegagalan membuat demikian boleh menyebabkan **Kami** mengelak kontrak insurans, menolak atau mengurangkan tuntutan **Anda**, menukar terma atau menamatkan kontrak insurans **Anda**.

Anda juga bertanggungjawab memberitahu **Kami** serta merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Anda** berkuat kuasa, semasa memohon dengan **Kami** untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang diberi di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** membuat permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

2. Kemalangan dan Prosedur Tuntutan

Jika **Kereta Anda** terlibat dalam sebarang **Kejadian** yang memungkinkan tuntutan dibuat terhadap **Polisi** ini **Anda** mesti melakukan perkara berikut:

a. Laporkan kepada jabatan tuntutan **Kami** tentang **Kejadian** itu dan dapatkan Borang Tuntutan. **Anda** mesti laporkan **Kejadian** tersebut kepada **Kami** dengan secepat mungkin namun apa pun mestilah:

- Dalam tempoh tujuh (7) hari jika **Anda** tidak hilang upaya dari segi fizikal atau tidak dimasukkan ke hospital akibat **Kejadian** itu; atau
- Dalam tempoh tiga puluh (30) hari atau secepat yang boleh dilakukan jika **Anda** hilang upaya dan dimasukkan ke hospital akibat **Kejadian** itu.

Kami boleh membenarkan tempoh pemberitahuan yang lebih lama jika **Anda** dapat memberikan bukti khusus serta justifikasi bagi kelewatan tersebut.

b. Laporkan **Kejadian** kepada polis seperti yang dikehendaki undang-undang dan lakukan segala yang diperlukan bagi membantu pihak polis memastikan pihak bersalah dijatuhkan hukuman.

c. Lengkapkan Borang Tuntutan sepenuhnya dan kembalikannya kepada **Kami** dalam masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh pemberitahuan **Anda** seperti perenggan (a) di atas. **Anda** dikehendaki memberi jawapan terperinci terhadap semua soalan pada bahagian berkenaan dan **Anda** juga mesti kemukakan segala dokumen yang **Kami** perlukan bagi menyokong tuntutan **Anda**. **Kami** tidak bertanggungjawab jika **Anda** lewat menyerahkan Borang Tuntutan yang siap dilengkapkan bersama-sama kesemua dokumen yang diperlukan.

Kami mungkin membenarkan tempoh penyerahan tuntutan yang lebih panjang tertakluk kepada bukti khusus dan justifikasi yang **Anda** berikan.

d. Jika **Anda** menerima sebarang tuntutan daripada pihak ketiga, **Anda** mesti memberitahu **Kami** tentangnya dengan serta-merta dan **Anda** mesti menghantar kepada **Kami** apa-apa amaran tuntutan, notis pendakwaan atau inkues yang akan berlaku, saman, writ atau sebarang surat daripada peguam pihak ketiga sebaik sahaja **Anda** menerima dokumen-dokumen tersebut, namun apa pun mestilah dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan dokumen berkenaan.

e. Hantar **Kereta Anda** ke mana-mana **Pembaiki Diluluskan** supaya **Kami** dapat memeriksa **Kereta Anda** sebelum memberi kelulusan untuk membaikinya atau ambil tindakan munasabah bagi mengawal **Kereta Anda** dari kerugian atau kerosakan tambahan. **Kami** boleh menolak sebarang tuntutan di bawah Seksyen A **Polisi** ini jika **Anda** melanggar syarat ini.

f. **Anda** mesti mendapat persetujuan **Kami** secara bertulis sebelum **Anda** membaiki **Kereta Anda** atau membelanjakan wang berkaitan dengan apa-apa tuntutan di bawah **Polisi** ini.

Anda dilarang mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- Mengaku bertanggungjawab bagi sebarang **Kejadian**; atau
- Berunding atau menyelesaikan sebarang tuntutan yang dibuat terhadap **Anda** oleh pihak ketiga, kecuali **Kami** memberi kelulusan bertulis bahawa **Anda** boleh lakukan begitu.

Kami berhak memutuskan sama ada untuk berunding, membela atau menyelesaikan sebarang tuntutan yang dibuat terhadap **Anda** oleh pihak ketiga, di atas nama **Anda,** nama **Pemandu Dibenarkan** dan / atau bagi pihak **Anda**. Jika pada hemat **Kami** tuntutan pihak ketiga yang dibuat terhadap **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** bagi kerosakan harta akan melebihi had liabiliti sebanyak RM3 juta, **Kami** akan membayar amaun penuh liabiliti **Kami** kepada **Anda** atau pihak ketiga dan menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab pembelaan, penyelesaian atau prosiding seterusnya kepada **Anda**. Selepas berbuat demikian **Kami** tidak lagi bertanggungjawab di bawah **Polisi** ini untuk membuat apa-apa bayaran lagi kepada **Anda** atau mana-mana pihak yang menuntut atau mana-mana orang yang berkaitan dengan **Kejadia**n yang sama.

*Syarat-syarat di atas juga dikenakan ke atas sesiapa sahaja yang ingin membuat tuntutan di bawah terma Polisi ini. "Sesiapa sahaja" termasuk juga mana-mana wakil yang sah dari segi undang-undang atau pentadbir harta pusaka pemegang **Polisi**.*

Sila rujuk MSIG's Motor Claims Service Charter di https://www.msig.com.my/motor-customer-service-charter-mcsc/

3. Pembatalan

Kedua-dua belah pihak boleh membatalkan **Polisi** ini pada bila-bila masa dalam **Tempoh Insurans**:

a. Pembatalan oleh **Anda**:

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

- **Anda** boleh membatalkan **Polisi** ini pada bila-bila masa dengan mengembalikan **Sijil Insurans** (CI) kepada **Kami** atau, jika **Sijil Insurans** itu telah hilang atau musnah, **Anda** mesti kemukakan kepada **Kami** Akuan Berkanun {*Statutory Declaration* (SD)} yang telah diperakui dengan sewajarnya untuk mengesahkan hal ini.

- Selepas mengembalikan **Sijil Insurans** atau Akuan Berkanun **Anda** layak mendapat bayaran balik sebahagian premium sekiranya tiada tuntutan dibuat sebelum pembatalan. Bahagian yang akan dikembalikan kepada **Anda** adalah perbezaan antara premium penuh yang telah dibayar dan kadar jangka pendek biasa **Kami** yang dikira bagi tempoh **Kami** mula menanggung risiko hingga tarikh **Kami** menerima **Sijil Insurans** atau Akuan Berkanun:

Tempoh Insurans	Kadar Bayaran Balik Premium
Tidak melebihi 1 minggu	87.5 % daripada premium tahunan
Tidak melebihi 1 bulan	75.0 % daripada premium tahunan
Tidak melebihi 2 bulan	62.5 % daripada premium tahunan
Tidak melebihi 3 bulan	50.0 % daripada premium tahunan
Tidak melebihi 4 bulan	37.5 % daripada premium tahunan
Tidak melebihi 6 bulan	25.0 % daripada premium tahunan
Tidak melebihi 8 bulan	12.5 % daripada premium tahunan
Melebihi 8 bulan	bayaran balik premium tidak dibenarkan

- **Polisi** ini akan luput secara automatik sebaik sahaja **Anda** menjual atau melupuskan **Kereta Anda** kerana kepentingan boleh insurans **Anda** untuk **Kereta** itu akan tamat. Jika **Anda** mahu memindahkan **Polisi** ini kepada pembeli yang baharu, **Anda** mesti mendapat persetujuan **Kami** terlebih dahulu.

b. Pembatalan oleh **Kami**:

- **Kami** boleh juga membatalkan **Polisi** ini dengan memberi **Anda** notis empat belas (14) hari secara bertulis melalui surat berdaftar kepada alamat terakhir **Anda** yang **Kami** tahu.
- Selepas mengembalikan **Sijil Insurans** atau Akuan Berdaftar **Anda** layak mendapat bayaran balik premium bagi baki tempoh yang tidak diberi perlindungan dikira secara pro rata dari tarikh **Kami** menerima **Sijil Insurans** atau Akuan Berkanun daripada **Anda** hingga ke tarikh luput **Polisi**.

Tidak ada bayaran balik premium bagi sebarang pembatalan **Polisi** (sama ada oleh **Anda** atau **Kami**) sekiranya **Anda** telah membayar **Premium Minimum** sahaja atau jika sesuatu tuntutan telah dibuat terhadap **Polisi** ini.

4. ***Jika terdapat Lebih Dari Satu Insurans yang Melindungi Kereta yang Sama***

a. **Anda** mesti memberitahu **Kami** secara bertulis jika mempunyai lain-lain insurans yang turut melindungi **Kereta Anda** dalam **Tempoh Insurans**.
b. Jika sesuatu tuntutan dibuat di bawah **Polisi** ini dan kerugian tersebut juga dilindungi oleh polisi insuran lain yang **Anda** ambil, **Kami** akan hanya membayar bahagian **Kami** mengikut nisbah pro-rata dari kerugian sepenuhnya. Bukan tanggungjawab **Kami** membayar dahulu keseluruhan tuntutan itu dan kemudian menuntut balik bahagian syarikat insurans yang turut bertanggungjawab bagi kerugian tersebut.

5. ***Subrogasi***
Kami berhak mengambil alih kesemua hak dan remedi yang **Anda** ada terhadap mana-mana pihak ketiga yang menyebabkan kerugian yang dilindungi di bawah **Polisi** ini. **Kami** mempunyai budi bicara mutlak dalam mengendalikan prosiding terhadap pihak ketiga dalam urusan tuntutan tersebut dengan kos ini ditanggung **Kami** sendiri. **Anda** mesti memberi apa-apa maklumat dan bantuan yang mungkin **Kami** perlu dari semasa ke semasa termasuklah menyerahkan kesemua hak untuk bertindak atas nama **Anda**. **Anda** mestilah memberi **Kami** kerjasama yang sepenuhnya untuk melindungi hak ini dan memberikan segala bantuan dan mengambil langkah-langkah sepertimana yang **Kami** perlukan.

6. ***Menyelesaikan Pertikaian***
Jika berlaku perselisihan atau pertikaian tentang sebarang perkara yang berkaitan dengan **Polisi** ini yang melibatkan amaun melebihi RM250,000, **Anda** dan **Kami** akan bersama melantik seorang Penimbang Tara secara bertulis untuk menyelesaikan perselisihan atau pertikaian ini. Jika **Anda** dan **Kami** tidak boleh bersetuju tentang siapakah yang akan menjadi Penimbang Tara dalam masa sebulan seperti yang dikehendaki, maka **Anda** dan **Kami** boleh masing-masing melantik seorang Penimbang Tara. Kedua-dua Penimbang Tara tersebut akan kemudian mendengar perselisihan dan pertikaian bersama dengan seorang Pengadil yang mereka lantik. Jika Penimbang Tara tidak bersetuju dalam pemilihan Pengadil dalam masa tiga puluh (30) hari, maka seorang Pengadil akan dilantik oleh Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur.

Jika jumlah yang dipertikaikan adalah kurang daripada RM250,000 **Anda** boleh rujuk perkara ini kepada **Ombudsman Perkhidmatan Kewangan** untuk diselesaikan.

7. ***Hal-hal Lain***
Kami hanya akan bertanggungjawab untuk menanggung rugi **Anda** di bawah **Polisi** ini jika **Anda:**

a. Mematuhi semua terma dan syarat **Polisi** ini. **Pemandu Dibenarkan** dan mana-mana wakil sah **Anda** yang mahu perlindungan di bawah **Polisi** ini juga tertakluk kepada syarat-syarat ini;
b. Menyelenggara **Kereta Anda** secara munasabah supaya cekap dan layak dipandu di jalan raya. **Anda** mesti memberitahu **Kami** jika **Anda** telah membuat sebarang pengubahsuaian yang akan menambah dalam apa juga cara

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

yang akan memberikan kesan terhadap prestasi **Kereta Anda**;

c. Mengambil langkah yang munasabah untuk mengelak daripada sebarang keadaan yang boleh mengakibatkan berlakunya tuntutan. **Polisi** ini tidak akan melindungi **Anda** jika **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** memandu secara melulu, iaitu, di mana **Anda** tahu adanya bahaya tetapi dengan sengaja tidak mengambil langkah-langkah mencegahnya. Ini termasuk dan tidak terhad kepada membiarkan **Kereta Anda** tanpa pengawasan semasa tidak dikunci atau dengan kuncinya berada di dalam atau di atas **Kereta Anda**.

d. **Anda** mesti membenarkan **Kami** memeriksa **Kereta Anda** pada bila-bila masa yang sesuai apabila diminta.

8. ***Percanggahan Perkataan dalam Polisi***

Bagi mengelakkan kekeliruan, versi **Polisi** Bahasa Inggeris ini akan mengatasi versi Polisi Bahasa Malaysia (Melayu) pada setiap masa.

Seksyen F: Takrif perkataan yang ditandakan di dalam Polisi

*Seksyen ini menerangkan apa yang **Kami** maksudkan dengan perkataan yang dicetak dalam huruf tebal dalam **Polisi** ini.*

Di dalam **Polisi**, **Jadual** dan **Sijil Insurans** ini, perkataan-perkataan berikut mempunyai makna seperti yang ditakrifkan di bawah kecuali konteks sebaliknya diperlukan:

1. Aksesori

Ini merujuk kepada alat-alat standard **Kereta** yang telah dipasang di kilang, termasuk penyaman udara dan tayar ganti, dan juga termasuk radio / pemain kaset / pemain cakera padat dan seumpamanya jika dinyatakan di dalam **Jadual Polisi**.

2. Tindakan Keganasan

Ini merujuk kepada sesuatu tindakan oleh mana-mana orang atau kumpulan orang yang menggunakan kekerasan atau keganasan dan / atau ugutan kekerasan atau keganasan, sama ada bertindak secara sendirian atau bagi pihak orang lain atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan dan dilakukan bagi tujuan atau sebab-sebab politik, agama, ideologi, bangsa atau bagi tujuan lain yang serupa, termasuklah niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan / atau untuk membuat orang awam, atau mana-mana pihak awam, berada dalam ketakutan.

3. Ajuster (*Adjuster*)

Ini merujuk kepada orang atau entiti yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 yang **Kami** lantik untuk menyiasat sebab dan keadaan berlakunya kerugian dan untuk menentukan amaun kerugian.

4. Pemandu Dibenarkan

Ini merujuk kepada sesiapa yang memandu **Kereta Anda** dengan kebenaran atau izin **Anda** dengan syarat dia mempunyai lesen memandu yang sah bagi jenis kenderaan yang berkaitan dan tidak hilang kelayakan untuk memandu dari segi undang-undang atau atas sebab-sebab lain.

5. Kereta

Ini merujuk kepada kenderaan bermotor yang dinyatakan di dalam **Jadual Polisi** termasuk opsyen piawaian pengilang dan **Aksesori** yang dipasang kepadanya dan lain-lain yang bukan opsyen piawaian pengilang atau huraian yang tersenarai secara khusus di dalam **Jadual Polisi**.

6. Sijil Insurans (CI)

Sijil ini telah ditetapkan bentuknya di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang **Kami** dikehendaki memberikannya kepada **Anda** dan ia menggariskan syarat-syarat yang tertakluk kepada **Polisi** yang dikeluarkan.

7. Penipuan

Ia merujuk kepada maksud yang ditakrifkan di bawah Seksyen 415 (Penal Code) seperti berikut:
Barang siapa dengan memperdayakan mana-mana orang, sama ada atau tidak perdayaan tersebut ialah dorongan tunggal atau utama:

a. dengan fraud atau dengan curang mendorong orang yang diperdayakan demikian untuk menghantar apa-apa harta kepada mana-mana orang, atau bersetuju bahawa mana-mana orang boleh meyimpan apa-apa harta; atau

b. dengan sengaja mendorong yang diperdayakan demikian membuat atau meninggalkan untuk membuat apa-apa yang orang itu tidak akan buat atau meninggalkan untuk dibuat jika ia tidak diperdayakan demikian dan tindakan atau peninggalan yang mana menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan atau mudarat kepada badan, ingatan, reputasi atau harta mana-mana orang,

adalah dikatakan “menipu.”

8. Pecah Amanah Jenayah

Ia merujuk kepada maksud yang ditakrifkan di bawah Seksyen 405 (Penal Code) seperti berikut:
Barang siapa, yang dengan apa-apa cara telah diamanahkan dengan harta sama ada sendirian atau bersesama dengan mana-mana orang lain, atau dengan apa-apa kuasa atas harta, dengan curangnya menyalahgunakan, harta itu atau menjadikannya bagi kegunaannya sendiri, atau dengan curangnya menggunakan, atau melepaskan harta itu dengan melanggar apa-apa arahan undang-undang yang menetapkan cara bagaimana amanah itu kena disempurnakan, atau apa-apa kontrak di sisi undang-undang, yang nyata atau yang disifatkan ada, yang ia telah buat mengenai penyempurnaan amanah itu, atau dengan bersengaja membiarkan mana-mana orang lain berbuat demikian itu, adalah melakukan "Pecah Amanah Jenayah".

9. Endorsmen

Ini merujuk kepada dokumen yang **Kami** keluarkan kepada **Anda** untuk mengesahkan sebarang perubahan atau perlindungan tambahan bagi **Polisi** asas.

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

10. **Ekses**
Ini merujuk kepada amaun pertama yang **Anda** terpaksa tanggung terlebih dahulu bagi setiap tuntutan. Amaun **Ekses** ini disebut dalam **Jadual Polisi**. **Anda** mesti menanggung **Ekses** tersebut tanpa mengira siapa yang bersalah pada **Kejadian** itu.

11. **Ahli Keluarga**
Ini merujuk kepada semua ahli keluarga **Anda** atau ahli keluarga terdekat **Pemandu Dibenarkan** iaitu, suami / isteri, anak-anak termasuk anak angkat yang sah di sisi undang-undang, ibu bapa, dan adik-beradik yang tinggal di bawah satu bumbung dengan **Anda**, atau dengan **Pemandu Dibenarkan**.

12. **Kejadian**
Satu peristiwa yang berlaku di **Jalan** yang boleh menyebabkan tuntutan dibuat di bawah **Polisi** ini.

13. **Had Penggunaan**
Mengikut **Sijil Insurans Anda**, **Kereta Anda** hanya boleh digunakan untuk "sosial, domestik dan bersukaria dan juga untuk urusan pemegang **Polisi**". **Sijil Insurans** juga menyatakan bahawa "**Polisi** tidak melindungi penggunaannya bagi tujuan sewaan atau mengutip tambang, perlumbaan, perentak perlumbaan (*pacemaking*), ujian keandalan (*reliability trial*) atau ujian kelajuan cubaan, membawa barang yang berkaitan dengan sebarang urus niaga atau perniagaan selain sampel barang".

14. **Nilai Pasaran**
Ini merujuk kepada kos munasabah untuk membeli sebuah kereta lain yang sama buatannya, modelnya, umurnya dan keadaan umumnya serupa dengan **Kereta Anda** semasa berlaku kerugian. **Nilai Pasaran Kereta Anda** pada masa kerugian akan ditentukan mengikut terma yang **Anda** telah pilih semasa **Anda** membeli **Polisi** ini. Jika **Anda** telah memilih **Sistem Penilaian Pasaran** untuk menentukan **Amaun Diinsuranskan,** maka **Nilai Pasaran** akan ditentukan mengikut sistem penilaian seperti yang dihuraikan dalam fasal 15 di bawah. Walau bagaimanapun, jika **Anda** tidak memilih **Sistem Penilaian Pasaran** maka **Nilai Pasaran Kereta Anda** jika berlaku pertikaian akan ditentukan oleh Ibu Pejabat Pemegang Francais **Kereta** dan nilai ini mesti bersamaan dengan kos membeli kereta gantian yang sama buatannya, modelnya dan umurnya dengan **Kereta Anda** semasa berlakunya kerugian. Sekiranya penilaian ini tidak dapat diperolehi atau pada pendapat **Kami** terlalu rendah atau tinggi maka penilaian ini akan ditentukan oleh **Ajuster** yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, dipersetujui oleh **Anda** dan **Kami**.

15. **Sistem Penilaian Pasaran**
Ini merujuk kepada **Sistem Penilaian Pasaran** kenderaan bermotor yang diluluskan oleh syarikat insurans **Anda** untuk menentukan **Nilai Pasaran Kereta Anda** pada masa **Anda** membeli / memperbaharui **Polisi** ini dan juga pada masa kerugian berlaku. **Anda** boleh memilih untuk menggunakan penilaian yang disyorkan oleh sistem ini sebagai **Amaun Diinsuranskan** untuk mengelak akibat insurans terkurang seperti yang dihuraikan di dalam Seksyen A2e. Sebagai alternatif, **Anda** boleh memilih untuk menentukan **Amaun Diinsuranskan** sendiri tetapi **Anda** akan tertakluk kepada Seksyen A2e jika **Anda** mengalami insurans terkurang.

16. **Premium Minimum**
Premium minimum yang disebut di dalam **Jadual Polisi.**

17. **Pemandu Dinamakan**
Ini merujuk kepada orang yang **Anda** namakan di dalam **Jadual Polisi** yang dibenarkan memandu **Kereta Anda**. **Ekses** wajib sebanyak RM400 yang dinyatakan dalam Seksyen A2(g) tidak akan dikenakan jika **Kereta Anda** dipandu oleh **Pemandu Dinamakan** dengan syarat mereka mempunyai lesen memandu yang sah bagi jenis yang relevan dan tidak hilang kelayakan dari segi undang-undang untuk memandu atau kerana sebab-sebab lain dan adalah berumur lebih daripada 21 tahun pada masa **Kejadian**.

18. **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)**
Ini adalah sebuah badan bebas yang menawarkan saluran percuma dan cekap untuk membantu menyelesaikan pertikaian tertentu antara **Anda** dengan **Kami** di bawah **Polisi** ini sebagai alternatif kepada penyelesaian di mahkamah.

19. **Tempoh Insurans**
Ini merujuk kepada tempoh yang disebut di dalam **Jadual Polisi** bila perlindungan yang diberikan oleh **Polisi** ini berkuat kuasa. Perlindungan hanya sah dari waktu sebenar **Polisi** insurans dibeli atau dari masa **Anda** dan **Kami** bersetuju bila perlindungan patut bermula.

20. **Polisi**
Polisi termasuk juga **Jadual**, **Sijil Insurans** dan semua **Endorsmen** yang disenaraikan secara khusus di dalam **Jadual Polisi**.

21. **Pembaiki Diluluskan**
Ini merujuk kepada mana-mana yang berikut:
a. bengkel pembaikan motor yang berada di panel bengkel **Kami** yang diluluskan;
   (i) **Kami** akan memastikan terdapat sebilangan panel bengkel **Kami** yang diluluskan yang mencukupi untuk menyediakan akses yang munasabah dan mudah kepada **Anda**;
   (ii) Jika tiada panel bengkel yang **di**luluskan di mana-mana Lokasi berdekatan sekiranya berlaku **Insiden**, **Kami** boleh mengikut budi bicara **Kami** memilih untuk sama ada:
      - membantu **Anda** mengakses bengkel terdekat di panel **Kami** dan mengatur perkhidmatan tunda ke bengkel terpilih tersebut tanpa sebarang kos kepada **Anda**; atau
      - membenarkan kenderaan yang rosak dibaiki di mana-mana bengkel pembaikan kemalangan berdekatan yang berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), seperti yang ditentukan oleh **Kami**.

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

atau

b. mana-mana pembaikan lain yang telah **Kami** berikan kebenaran khas kepada **Anda** untuk digunakan. Keadaan di mana kebenaran khas boleh diberikan oleh **Kami** termasuk:
   (i) tiada **Pembaikan Diluluskan** seperti diterangkan dalam (a) tersedia di lokasi **Kereta Anda**, dan **Kami** tidak dapat membantu **Anda** mengakses bengkel terdekat panel **Kami** atau yang berdaftar dengan JPJ;
   (ii) pembaikan yang memerlukan kepakaran khas daripada pembaikan khusus yang tidak boleh disediakan oleh **Pembaiki Diluluskan**; dan
   (iii) pembaiki francais.

22. Jalan
Seksyen 2 Akta Pengangkutan Jalan 1987 mentakrif "Jalan" sebagai "mana-mana jalan awam dan mana-mana jalan lain yang mana orang awam mempunyai akses dan termasuklah jambatan, terowong, hentian sebelah, kemudahan feri, jalan bertingkat, bulatan jalan, pulau lalu lintas, pembahagi jalan, segala lorong lalu lintas, lorong laju, lorong perlahan, bahu jalan, garis tengah, jejambat, jalan tembok, jalan tuju, landasan masuk dan keluar, plaza tol, kawasan khidmat dan struktur dan lekapan lain bagi memberikan kesan sepenuh kepada penggunaannya".

23. Jadual
Dokumen ini menyatakan nama dan alamat **Anda**, **Tempoh Insurans**, seksyen-seksyen **Polisi** ini yang berkuat kuasa, premium yang **Anda** telah bayar, **Kereta** yang diinsuranskan, **Amaun Diinsuranskan** dan perincian sebarang perluasan atau **Endorsmen**.

24. Amaun Diinsuranskan
Ini adalah amaun maksimum yang **Kami** akan bayar kepada **Anda** bagi sesuatu tuntutan di bawah Seksyen A. Amaun ini dicatatkan di dalam **Jadual Polisi**. **Amaun Diinsuranskan** mestilah cukup untuk menampung kos mengganti **Kereta Anda** sekiranya berlaku **Kejadian** yang memusnahkannya sama sekali.

25. Kami
Ini merujuk kepada Syarikat Insurans berdaftar yang mengeluarkan **Polisi** insurans ini.

26. Anda
Ini merujuk kepada pemegang **Polisi** atau pihak yang namanya dicatat di dalam **Jadual Polisi** sebagai 'Insured'.

Seksyen G: Endorsmen – diguna pakai hanya jika nombor Endorsmen di cetak di dalam Jadual

*Sila ambil perhatian bahawa hanya **Endorsmen** yang nombornya tercatat secara khusus di dalam **Jadual Polisi** akan diguna pakai oleh **Polisi** ini.*

Endorsmen 1: Ekses Semua Tuntutan *(lihat Seksyen 'Apakah Maksud Ekses?' untuk penjelasan lanjut tentang ekses dan takrif 'Ekses' dalam Seksyen F)*

Amaun **Ekses** yang tercatat di **Jadual Polisi** adalah amaun yang **Anda** terpaksa tanggung sendiri bagi setiap satu tuntutan di bawah Seksyen A yang timbul akibat satu **Kejadian**. Ini bermakna bahawa **Kami** berhak memotong **Ekses** ini dari amaun yang jika tidak, **Kami** terpaksa tanggung sepenuhnya. Jika **Kami** tidak dapat memotong **Ekses** tersebut, **Kami** berhak menuntut supaya **Anda** membayar **Ekses** itu kepada **Kami** dahulu sebelum **Kami** membuat apa-apa bayaran.

Kami tidak akan memotong **Ekses** tersebut bagi kerugian atau kerosakan yang melibatkan tuntutan pihak ketiga.

Endorsmen 2: Ekses Tuntutan Kerosakan *(lihat Seksyen 'Apakah Maksud Ekses?' untuk penjelasan lanjut tentang ekses dan takrif 'Ekses' dalam Seksyen F)*

Amaun **Ekses** yang tercatat di **Jadual Polisi** adalah amaun yang **Anda** terpaksa tanggung sendiri bagi setiap satu tuntutan di bawah Seksyen A yang timbul akibat satu **Kejadian**. Ini bermakna bahawa **Kami** berhak memotong **Ekses** ini dari amaun yang jika tidak, **Kami** terpaksa tanggung sepenuhnya. Jika **Kami** tidak dapat memotong **Ekses** tersebut, **Kami** berhak menuntut supaya **Anda** membayar **Ekses** itu kepada **Kami** dahulu sebelum **Kami** membuat apa-apa bayaran.

Kami tidak akan memotong **Ekses** tersebut jika kerugian atau kerosakan disebabkan kebakaran, letupan, kilat, pecahmasuk, pecah rumah, kecurian, tuntutan kerosakan harta pihak ketiga dan kecederaan tubuh badan pihak ketiga.

Endorsmen 14: Pertukaran Hak Milik

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju menukar hak milik dalam **Polisi** ini pada [*nyatakan tarikh*] kepada [*nyatakan nama penerima tukar milik dan No. Kad Pengenalan. / No. Pendaftaran Perniagaan*] beralamat di [*nyatakan alamat*] yang menjalankan atau melibatkan diri dalam perniagaan atau profesion [_____] yang cadangan dan akuannya bertarikh [*nyatakan tarikh*] hendaklah menjadi asas kontrak ini.

Tertakluk juga kepada terma dan syarat **Polisi** ini.

Endorsmen 15: Sewa Beli

Kami mendapati bahawa **Kereta Anda** diperolehi melalui Perjanjian Sewa Beli dengan syarikat Sewa Beli yang dinamakan di dalam **Jadual Polisi** sebagai Pemilik. **Anda** bersetuju tanpa syarat bahawa sebarang tuntutan yang **Kami** bayar secara

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

tunai di bawah Seksyen A akan diberi kepada Pemilik selagi mereka kekal menjadi Pemilik **Kereta Anda** pada masa berlakunya **Kejadian**. Akuan penerimaan daripada Pemilik akan membebaskan **Kami** daripada sebarang tuntutan atau liabiliti selanjutnya berkaitan dengan kerugian atau kerosakan tersebut. Bagi semua tujuan lain **Anda** dianggap sebagai pihak prinsipal di bawah **Polisi** ini dan bukannya ejen atau pemegang amanah bagi Pemilik dan **Anda** tidak menyerahkan hak manfaat dan tuntutan **Anda** di bawah **Polisi** ini kepada Pemilik. **Anda** tidak boleh menyerahkan hak, manfaat dan tuntutan **Anda** di bawah **Polisi** ini kepada sesiapa tanpa persetujuan bertulis daripada **Kami**.

Endorsmen 15 (a): Pinjaman Majikan

Kami mendapati bahawa **Kereta Anda** diperolehi di bawah perjanjian Pinjaman Majikan. **Anda** bersetuju tanpa syarat bahawa sebarang tuntutan yang **Kami** bayar secara tunai di bawah Seksyen A akan dibayar di atas nama Majikan yang namanya tercatat di dalam **Jadual Polisi** selagi pinjaman itu belum dilunaskan pada masa **Kejadian** yang menyebabkan tuntutan. Akuan penerimaan daripada Majikan akan membebaskan **Kami** daripada tuntutan atau liabiliti selanjutnya bagi **Kejadian** tersebut.

Selain dari yang di atas, hak dan liabiliti **Kami / Anda** di bawah **Polisi** ini tidak akan terjejas.

Endorsmen 18: Risiko Berkadar Flit (*Fleet Rated Risks*) - Pembatalan 'Diskaun Tanpa Tuntutan'

Oleh kerana manfaat Diskaun Flit diterima, fasal Diskaun Tanpa Tuntutan bagi **Polisi** ini dibatalkan.

Tertakluk juga kepada terma dan syarat **Polisi** ini.

Endorsmen 22: Karavan / Bagasi / Treler Bot

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju melindungi Karavan, Bagasi atau Treler Bot yang butirannya dinyatakan dalam **Jadual Polisi** di bawah tajuk **'Endorsmen 22'** semasa digunakan bersama-sama dengan **Kereta Anda**.

Endorsmen ini tidak melindungi:

a. liabiliti di sisi undang-undang bagi kematian atau kecederaan tubuh badan terhadap mana-mana penumpang di dalam Karavan / Bagasi / Treler Bot tersebut kecuali orang itu sedang dibawa atas sebab atau bagi tujuan melaksanakan kontrak pekerjaannya;
b. kerugian atau kerosakan terhadap kandungan atau apa jua yang dibawa di dalam Karavan / Bagasi / Treler Bot tersebut; dan
c. kerugian atau kerosakan terhadap Bot yang dibawa oleh Treler tersebut.

Amaun maksimum yang **Kami** tanggung bagi kerugian atau kerosakan terhadap Karavan / Bagasi / Treler Bot tersebut di bawah Seksyen A untuk endorsmen ini ialah amaun yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** di bawah tajuk **'Endorsmen 22'**.

Endorsmen 24(c): Ujian Keutuhan, Pertandingan dsb

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju bahawa insurans yang diberikan di bawah **Polisi** ini melindungi **Kereta Anda** semasa ia digunakan untuk [*nyatakan sama ada ujian keutuhan, pertandingan*] yang akan diadakan di [*nyatakan tempat / lokasi*] pada [*nyatakan tarikh*] yang dianjurkan oleh [*nyatakan nama penganjur*] termasuk latihan rasmi yang rasmi yang dikendalikan bagi acara tersebut.

Endorsmen 25: Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju bahawa insurans yang diberikan di bawah Seksyen A **Polisi** ini akan melindungi kerugian atau kerosakan terhadap **Kereta Anda** disebabkan oleh:

a. perbuatan sengaja mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat-masuk yang menyokong suatu mogok atau menentang sekat-masuk;
b. perbuatan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama dengan orang lain dalam sebarang gangguan ketenteraman awam (sama ada yang berkaitan dengan mogok atau sekat-masuk atau tidak); dan
c. tindakan pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang dalam membanteras atau percubaan untuk membanteras mana-mana gangguan sedemikian atau untuk mengurangkan akibat gangguan tersebut.

Endorsmen ini tidak melindungi:

a. perang saudara, peperangan, pencerobohan atau perbuatan musuh asing, permusuhan atau operasi seakan peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan ataupun tidak);
b. revolusi, pemberontakan atau kekecohan awam yang mencapai tahap kebangkitan awam; dan
c. **Tindakan Keganasan**.

Endorsmen ini juga tidak melindungi sebarang kerugian, kerosakan atau liabiliti secara langsung atau tidak langsung, secara dekat atau jauh yang disebabkan oleh atau yang diakibatkan oleh atau yang boleh dikesan kepada atau yang timbul dari atau yang berkaitan dengan pengecualian yang dinyatakan di atas.

FOR CUSTOMERS REFERENCE ONLY

Endorsmen 57: Perlindungan Tambahan Bencana Khas

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju bahawa insurans yang diberikan di bawah Seksyen A **Polisi** ini akan melindungi kerugian atau kerosakan terhadap **Kereta Anda** akibat banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah ataupun malapetaka alam yang lain.

Endorsmen 72: Liabiliti Penumpang Di Sisi Undang-undang Kerana Perbuatan Cuai

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju bahawa insurans yang diberikan di bawah Seksyen B **Polisi** ini termasuk liabiliti di sisi undang-undang yang ditanggung oleh mana-mana penumpang di dalam **Kereta Anda** dengan syarat penumpang itu:

a. tidak memandu **Kereta Anda**;
b. tidak berhak mendapat indemniti di bawah mana-mana **Polisi** insurans lain yang melindungi liabiliti undang-undang seperti yang diperuntukkan di bawah pengendorsan ini; dan
c. mematuhi semua terma dan syarat **Polisi** ini seolah-olah dia adalah **Anda**.

Endorsmen ini tidak melindungi:

a. kematian atau kecederaan tubuh badan terhadap sesiapa yang bekerja dengan **Anda** atau penumpang, dan orang itu meninggal atau cedera semasa melaksanakan kontrak pekerjaannya;
b. kerosakan harta kepunyaan atau yang diamanahkan atau berada dalam jagaan atau kawalan Anda atau penumpang atau ketika dibawa di dalam **Kereta Anda**; dan / atau
c. kematian atau kecederaan tubuh badan kepada pemandu atau mana-mana penumpang lain di dalam **Kereta Anda** dalam masa yang sama.

Endorsmen 87: Fasal Nilai Dipersetujui

Nilai Dipersetujui yang dinyatakan di dalam **Jadual Polisi** adalah amaun maksimum yang **Kami** akan bayar untuk **Kereta Anda**, setelah ditolak sebarang **Ekses** (jika berkaitan) sekiranya **Kereta Anda** dicuri atau musnah sama sekali.

Kami dan **Anda** telah bersetuju semasa **Polisi** ini mula berkuat kuasa supaya nilai ini digunakan sebagai asas penyelesaian dengan syarat **Kami** bertanggungjawab membayar kerugian atau kemusnahan itu di bawah terma dan syarat **Polisi** ini. **Nilai Pasaran Kereta Anda** pada masa kerugian berlaku tidak akan diambil kira.

Endorsmen 89: Perlindungan untuk Cermin Depan / Belakang, Tingkap dan Bumbung Matahari

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju bahawa insurans yang diberikan di bawah Seksyen A **Polisi** ini akan melindungi kos menggantikan atau membaiki manamana kaca pada cermin depan, tingkap atau bumbung matahari **Kereta Anda** yang pecah secara tidak sengaja termasuk kos laminasi / lapisan penintaan (jika ada) dengan syarat tiada tuntutan lain dibuat bagi **Kejadian** ini. Amaun maksimum yang **Kami** akan bayar di bawah endorsmen ini adalah amaun yang disebut di dalam **Jadual Polisi** di bawah tajuk **'Endorsmen 89'**.

Jika tuntutan **Anda** adalah khusus untuk kaca cermin yang pecah sahaja dan bukan kerosakan yang lain, **Kami** tidak akan memotong sebarang **Ekses**, dan **Anda** juga tidak akan hilang kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda**.

Jika cermin yang pecah diganti, perlindungan yang diberikan oleh endorsmen ini akan tamat sebaik sahaja kaca itu digantikan. Jika **Anda** ingin mendapatkan perlindungan berterusan **Anda** dikehendaki membayar premium tambahan kepada **Kami**.

Sebaliknya jika kaca yang pecah diperbaiki perlindungan ini akan terus berkuat kuasa tetapi dengan amaun perlindungan yang berkurangan setelah ditolak kos untuk membaikinya. Untuk mengembalikan semula amaun perlindungan ini ke had yang asal Anda dikehendaki membayar premium tambahan kepada **Kami** bagi perlindungan tambahan tersebut.

Kami mempunyai kata putus sama ada kaca yang pecah itu diperbaiki atau digantikan.

Endorsmen 95: Perjanjian Pajakan

Kami mendapati bahawa **Kereta Anda** diperolehi di bawah Perjanjian Pajakan dengan syarikat Pajakan yang dinamakan dalam **Jadual Polisi** sebagai Pemberi Pajak. **Anda** bersetuju tanpa syarat bahawa bayaran tunai yang **Kami** bayar bagi sebarang tuntutan di bawah Seksyen A akan dibuat kepada Pemberi Pajak selagi perjanjian Pajakan itu masih sah pada masa berlakunya **Kejadian** itu. Akuan penerimaan dari Pemberi Pajak akan membebaskan **Kami** sepenuhnya daripada tuntutan liabiliti selanjutnya yang berkaitan dengan kerugian atau kerosakan tersebut. Bagi semua tujuan lain **Anda** adalah pihak prinsipal di bawah **Polisi** ini dan bukannya ejen atau pemegang amanah bagi Pemberi Pajak dan **Anda** tidak menyerahkan hak manfaat dan tuntutan **Anda** di bawah **Polisi** ini kepada Pemberi Pajak. **Anda** tidak boleh menyerahkan hak manfaat dan tuntutan **Anda** di bawah **Polisi** ini kepada sesiapa tanpa persetujuan bertulis daripada **Kami**.

Endorsmen 97: Perlindungan Berasingan Bagi Aksesori yang dipasang pada Kereta Anda

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

bahawa insurans yang diberikan di bawah Seksyen A **Polisi** ini akan melindungi **Aksesori** bukan piawaian yang butirannya dinyatakan di dalam **Jadual Polisi**. Amaun maksimum yang **Kami** akan bayar di bawah endorsmen ini ialah amaun yang dinyatakan di dalam **Jadual Polisi** di bawah tajuk **'Endorsmen 97'**.

Jika tuntutan **Anda** adalah khusus untuk **Aksesori** sahaja dan bukan untuk kerosakan lain, **Kami** tidak akan memotong sebarang **Ekses**, dan **Anda** juga tidak akan hilang kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda**.

Perlindungan ini akan ditamatkan pada tarikh tuntutan **Anda** dibayar di bawah endorsmen ini. Untuk mengembalikan semula perlindungan ini **Anda** dikehendaki membayar premium tambahan kepada **Kami** bagi perlindungan ini diperbaharui.

Endorsmen 97(a): Peralatan Penukaran Gas dan Tangki

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju bahawa insurans yang diberikan di bawah Seksyen A **Polisi** ini akan melindungi kerugian atau kerosakan terhadap Peralatan Penukaran Gas dan Tangki **Kereta Anda** sebagai item berasingan dengan syarat ia dipasang oleh pemasang yang bertauliah. Amaun maksimum yang **Kami** akan bayar di bawah endorsmen ini ialah amaun yang dinyatakan di dalam **Jadual Polisi** di bawah tajuk **'Endorsmen 97(a)'**.

Jika tuntutan **Anda** adalah hanya untuk Peralatan Penukaran Gas dan Tangki sahaja dan bukan untuk kerosakan yang lain, **Kami** tidak akan memotong sebarang **Ekses** dan **Anda** tidak akan hilang kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda**.

Perlindungan akan ditamatkan pada tarikh tuntutan **Anda** dibayar di bawah endorsmen ini. Untuk memulihkan semula perlindungan ini **Anda** dikehendaki membayar premium tambahan kepada **Kami** bagi perlindungan ini diperbaharui.

Endorsmen 100: Liabiliti dari segi Undang-undang terhadap Penumpang

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** akan mengganti rugi liabiliti **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** terhadap mana-mana penumpang yang dibawa di dalam atau semasa menaiki atau memasuki atau turun dari **Kereta Anda** kecuali bagi:

a. kematian atau kecederaan tubuh badan mana-mana penumpang yang dibawa untuk sewaan atau mengutip tambang;
b. kematian atau kecederaan tubuh badan mana-mana orang di mana kematian atau kecederaan tersebut berlaku berpunca daripada dan semasa orang berkenaan melaksanakan tugasan dengan **Anda** atau dengan **Pemandu Dibenarkan**;
c. kerosakan terhadap harta kepunyaan, atau di bawah jagaan atau di bawah kawalan atau diamanahkan kepada **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** dan / atau mana-mana **Ahli Keluarga Anda** atau **Ahli Keluarga Pemandu Dibenarkan**;
d. liabiliti kepada mana-mana orang yang juga **Ahli Keluarga Anda** dan / atau **Ahli Keluarga Pemandu Dibenarkan** yang menjadi penumpang di dalam atau di atas **Kereta Anda** kecuali dia dikehendaki dibawa dengan sebab atau bagi tujuan melaksanakan kontrak pekerjaannya dengan **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** dan / atau majikannya;
e. liabiliti yang disebabkan oleh penumpang yang menaiki atau turun dari **Kereta Anda**;
f. apa-apa tuntutan yang dibawa terhadap **Anda** oleh mana-mana pemandu **Kereta Anda** sama ada dibenarkan atau tidak;
g. apa-apa tuntutan yang dibawa ke mahkamah terhadap mana-mana orang di mana-mana negara di luar Malaysia, Republik Singapura atau Negara Brunei Darussalam; dan / atau
h. semua kos dan perbelanjaan perundangan yang tidak tertanggung atau boleh dituntut balik di Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam.

Syarat Perlindungan
Jika semasa berlakunya **Kejadian** yang membawa kepada tuntutan di bawah endorsmen ini, **Kereta Anda** membawa penumpang lebih daripada bilangan had maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, liabiliti **Kami** akan dihadkan kepada bilangan penumpang yang dinyatakan pada kenderaan yang didaftarkan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Jika bilangan penumpang yang dibawa di dalam kenderaan semasa berlakunya suatu **Kejadian** itu lebih daripada bilangan maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, **Kami** tidak akan membayar tuntutan mereka secara penuh. Sebarang bayaran yang **Kami** buat kepada orang yang membuat tuntutan di bawah endorsmen ini akan dibahagikan mengikut kadar berkurangan dengan nisbah bilangan penumpang maksimum dibenarkan oleh undang-undang ke atas jumlah sebenar penumpang yang dibawa pada masa **Kejadian**. Perbezaan di antara jumlah yang **Kami** bayar dan tuntutan yang akan dibayar kepada setiap penumpang yang diinsuranskan yang membuat tuntutan di bawah endorsmen ini akan ditanggung oleh **Anda** / **Pemandu Dibenarkan**. Bahagian yang **Kami** bayar akan dikira berdasarkan formula berikut:-

$$\frac{\text{Jumlah penumpang dibenarkan oleh undang-undang}}{\text{Bilangan sebenar penumpang yang dibawa ketika } \textbf{Kejadian}} \times \text{Jumlah tuntutan Diberikan}$$

Endorsmen 101: Perluasan Perlindungan ke Negara Thailand

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju bahawa insurans yang diberikan di bawah Seksyen A dan B1(a)(ii) **Polisi** ini akan melindungi **Kereta Anda** semasa digunakan di Negara Thailand berkuat kuasa dari masa perlindungan tersebut dibeli pada [*nyatakan tarikh*] hingga tengah malam (Waktu Rasmi Malaysia / pada [*nyatakan tarikh*]. Had liabiliti yang Kami berikan di bawah Seksyen B1(a)(ii) adalah sehingga jumlah maksimum sebanyak RM100,000 sahaja.

Endorsmen ini tidak melindungi liabiliti dari segi undang-undang di bawah Seksyen B1(a)(i) semasa **Kereta Anda** digunakan di Negara Thailand.

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

Endorsmen 102: Perluasan Perlindungan ke Kalimantan

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** kawasan geografi **Polisi** ini diperluas untuk meliputi Kalimantan berkuat kuasa dari _____ pagi / petang / malam pada [*nyatakan tarikh*] hingga ke tengah malam (Waktu Rasmi Malaysia) pada [*nyatakan tarikh*] tertakluk pada had liabiliti sebanyak RM50,000 di bawah Bahagian B1(a)(i) dan B1(a)(ii).

Tertakluk juga kepada terma dan syarat **Polisi** ini.

Endorsmen 105: Had Liabiliti bagi Kerosakan Harta Pihak Ketiga

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju untuk menambah had liabiliti yang diberikan di bawah Seksyen B2(ii) **Polisi** sehingga RM [*nyatakan had baharu*] berkuat kuasa dari [*nyatakan tarikh*].

Had liabiliti yang melebihi RM3 juta sehingga RM20 juta adalah dibenarkan tertakluk kepada premium tambahan yang dinyatakan seperti di bawah:

Had liabiliti Kerosakan Harta Pihak Ketiga

Dari RM3 juta sehingga RM4 juta	-	15% dari Premium Pihak Ketiga
Sehingga RM6 juta	-	30% dari Premium Pihak Ketiga
Sehingga RM10 juta	-	45% dari Premium Pihak Ketiga
Sehingga RM20 juta	-	60% dari Premium Pihak Ketiga

Endorsmen 109: Perluasan Perlindungan Transit Feri ke dan / atau dari Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju bahawa insurans yang diberikan di bawah Seksyen A **Polisi** ini akan melindungi kerugian atau kerosakan terhadap **Kereta Anda** semasa dalam transit ke dan / atau dari Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Anda mesti menanggung 1% pertama dari **Amaun Diinsuranskan** atau RM500 (yang mana yang lebih tinggi) bagi setiap tuntutan yang timbul dari satu transit bagi setiap tuntutan yang mesti dibayar di bawah endorsmen ini. **Kami** berhak memotong amaun ini di samping **Ekses** yang dinyatakan di dalam **Jadual Polisi** ini.

Endorsmen 111: Pampasan "Diskaun Tanpa Tuntutan" Tahun Semasa (diguna pakai hanya bagi Polisi Komprehensif Kereta Persendirian)

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju membayar balik Diskaun Tanpa Tuntutan yang **Anda** telah hilang kerana membuat tuntutan di bawah **Polisi** ini. Amaun yang **Kami** akan bayar balik adalah sama dengan peratus kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda** yang ditunjukkan di dalam **Jadual Polisi** ini bagi **Tempoh Insurans** semasa.

Perlindungan yang diberikan di bawah endorsmen ini akan tamat secara automatik apabila:

a. **Kami** membuat bayaran bagi sesuatu tuntutan di bawah endorsmen ini;
b. pemilikan **Polisi** ini dipindahkan ke pihak yang lain; atau
c. **Anda** menarik balik kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda** daripada **Polisi** ini.

Kami tidak akan mengembalikan mana-mana bahagian premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** jika perlindungan di bawah endorsmen ini ditamatkan seperti yang tersebut di atas atau **Anda** telah membatalkan endorsmen ini pada bila-bila masa.

Endorsmen 112: Pampasan untuk Tempoh Pembaikan yang Dianggarkan *(Compensation for Assessed Repair Time (CART)*

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** akan membayar pampasan bagi jumlah hari yang **Kami** anggarkan diperlukan untuk membaiki **Kereta Anda** di bawah Seksyen A **Polisi** ini ("tempoh pembaikan yang dianggarkan"). **Kami** bersetuju bahawa bayaran akan didasarkan pada tempoh pembaikan yang dianggarkan oleh **Ajuster** atau amaun maksimum yang diberikan di dalam **Jadual Polisi** atau yang mana lebih rendah.

Kadar maksimum bagi setiap hari dan jumlah hari maksimum yang **Kami** akan bayar di bawah endorsmen ini terhad kepada jumlah yang disebutkan di dalam **Jadual Polisi** di bawah tajuk **'Endorsmen 112'**.

Kami tidak akan memotong sebarang **Ekses** bagi setiap tuntutan yang **Kami** setuju untuk bayar di bawah endorsmen ini dan **Anda** tidak akan hilang kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda**.

Kami tidak akan membayar:

a. jika tuntutan **Anda** hanya untuk cermin pecah yang boleh dibayar di bawah **Endorsmen 89**;
b. untuk sebarang kelewatan dari segi tempoh masa yang diambil untuk membaiki **Kereta Anda** melebihi dari tempoh anggaran pembaikan. Keputusan muktamad tentang tempoh masa yang diperlukan untuk membaiki **Kereta Anda** akan ditentukan oleh **Kami** tanpa mengira sama ada tuntutan **Anda** dikemukakan secara terus kepada **Kami** atau terhadap pihak ketiga;
c. jika tuntutan **Anda** adalah untuk kecurian atau kerugian sepenuhnya **Kereta Anda**; atau

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

d. jika tuntutan **Anda** di dalam proses BER.

Kami tidak akan mengembalikan mana-mana bahagian premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** jika **Anda** membatalkan endorsmen ini pada bila-bila masa.

Endorsmen 113: Rujukan untuk Sistem Penilaian Pasaran Kenderaan Bermotor

Ini merujuk kepada **Sistem Penilaian Pasaran** kenderaan bermotor yang diluluskan oleh **Kami** untuk menentukan **Amaun Diinsuranskan Kereta Anda** pada masa **Anda** membeli / memperbaharui **Polisi** dan juga pada masa berlakunya kerugian tersebut.

Apabila tuntutan dibuat, **Nilai Pasaran Kereta Anda** akan ditentukan oleh (nama **Sistem Penilaian Pasaran** kenderaan bermotor) dan nilai ini akan diterima sebagai kos pembelian kereta gantian yang sama buatannya, modelnya, umurnya dan keadaannya pada masa kerugian berlaku.

Jika tidak ada **Nilai Pasaran** daripada (nama **Sistem Penilaian Pasaran** kenderaan bermotor) bagi **Kereta Anda**, **Nilai Pasaran Kereta** itu akan ditentukan oleh **Ajuster**, yang dipersetujui oleh **Anda** dan **Kami**.

Penilaian yang dibuat oleh (nama **Sistem Penilaian Pasaran** kenderaan bermotor) atau **Ajuster** adalah muktamad berkaitan dengan **Nilai Pasaran Kereta Anda** di dalam mana-mana prosiding undang-undang terhadap **Kami**.

Tertakluk juga kepada terma dan syarat **Polisi** ini.

Endorsmen M001: Perlindungan Kunci Pintar (Bukan Tarif)

Sebagai pertimbangan untuk premium tambahan yang **Anda** bayar kepada **Kami** bagi pengendorsan ini, **Kami** bersetuju bahawa insurans yang disediakan di bawah Seksyen A **Polisi** ini akan meliputi kos untuk menggantikan, membaiki dan/atau mengatur cara semula **Kunci Kereta Anda** termasuk mana-mana **Alat Pengunci** yang terbabit sekiranya **Kunci Kereta Anda** dicuri, hilang, atau rosak secara tidak sengaja dengan syarat tiada tuntutan lain dikemukakan untuk **Kejadian** ini. Jumlah maksimum yang **Kami** akan bayar di bawah pengendorsan ini adalah jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual** di bawah tajuk **Pengendorsan M001 – Perlindungan Kunci Pintar (Bukan Tarif)**.

Manfaat ini terhad kepada satu (1) set **Kunci Kereta** untuk **Kereta Anda**, dan tidak tertakluk kepada kehilangan atau kerosakan yang dialami **Kereta Anda** yang dilindungi di bawah **Polisi** ini. Manfaat ini tidak meliputi kehilangan atau kerosakan mana-mana set **Kunci Kereta** simpanan.

Jika tuntutan **Anda** adalah untuk kehilangan, kecurian, atau kerosakan **Kunci Kereta** secara tidak sengaja sahaja dan tiada kerosakan lain kepada **Kereta Anda**, **Kami** tidak akan memotong sebarang nilai **Lebihan**, dan **Anda** tidak akan kehilangan kelayakan **Diskaun Tiada Tuntutan** (NCD) **Anda**.

Sekiranya tuntutan dibuat, **Anda** dikehendaki mengemukakan laporan polis dan bukti kerosakan, dan resit atau invois yang dikeluarkan oleh wakil penjual utama kenderaan atau bengkel membaiki kereta untuk menggantikan, membaiki dan/atau mengatur cara semula **Kunci Kereta** dan/atau sebarang **Alat Pengunci** yang terbabit.

Jika **Kunci Kereta Anda** digantikan, perlindungan yang disediakan oleh pengendorsan ini tamat sebaik sahaja **Kunci Kereta** digantikan. Jika **Anda** ingin mendapatkan perlindungan berterusan, **Anda** perlu membeli perlindungan pengendorsan baru dan membayar premium tambahan dan bebanan dalam jumlah bersamaan 10% daripada premium kepada **Kami**.

Pengendorsan ini tidak sah diguna pakai sekiranya terdapat tuntutan kerosakan sendiri atau **Kereta Anda** telah diisytiharkan sebagai kerugian menyeluruh atau kehilangan disebabkan kecurian.

Perkataan berikut hendaklah membawa maksud yang ditetapkan di bawah.

1. **Kunci Kereta**
   Ini merujuk kepada kunci yang dibuat oleh pengeluar **Kereta** untuk memasuki dan menghidupkan enjin **Kereta Anda**, termasuk sebarang peranti kunci elektronik atau inframerah, **Alat Pengunci** berkaitan, dan sebahagian daripada penggera dan/atau pelumpuh enjin yang merupakan sebahagian penting daripada **Kunci Kereta**.

2. **Alat Pengunci**
   Ini merujuk kepada alat pengunci **Kereta Anda** yang dikaitkan dengan **Kunci Kereta**.

Endorsmen M004: Pengecualian Kos Penambahbaikan (Bukan Tarif)

Sebagai pertimbangan untuk premium tambahan yang **Anda** bayar kepada **Kami** bagi pengendorsan ini, **Kami** bersetuju bahawa **Anda** tidak akan dikehendaki untuk menyumbang sebarang jumlah terhadap penambahbaikan **Kereta Anda** jika alat ganti asli yang baru digunakan untuk membaiki **Kereta Anda** dengan syarat bahawa umur kereta anda tidak boleh kurang dari lima (5) tahun dan tidak lebih daripada lima belas (15) tahun (untuk tujuan menentukan umur **Kereta Anda**, sila rujuk Bahagian A (2) (f) **Polisi** ini).

Perlindungan ini akan dibatalkan secara automatik apabila tuntutan terhadap pengendorsan ini telah dijelaskan. Jika **Anda** mahu mendapatkan perlindungan berterusan, **Anda** perlu membeli perlindungan pengendorsan baru dan membayar premium tambahan kepada **Kami**.

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat **Polisi** ini.

Endorsmen M010: Menyertakan Perlindungan Tambahan Bencana Khas atas Dasar Kerugian Pertama (Bukan Tarif)

Sebagai pertimbangan untuk premium tambahan yang **Anda** bayar kepada **Kami** bagi pengendorsan ini, **Kami** bersetuju bahawa insurans yang diberikan di bawah Seksyen A Polisi ini akan melindungi kerugian atau kerosakan terhadap **Kereta Anda** akibat daripada banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah ataupun malapetaka alam yang lain pada jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual** di bawah tajuk **Pengendorsan M010 - Menyertakan Perlindungan Tambahan Bencana Khas atas Dasar Kerugian Pertama (Bukan Tarif)**.

Jika tuntutan **Anda** adalah untuk kerugian atau kerosakan kepada **Kereta Anda** yang disebabkan oleh banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah ataupun malapetaka alam yang lain sahaja, **Kami** tidak akan memotong sebarang **Lebihan**, dan tidak akan ada penalti bagi insurans terkurang.

Sekiranya tuntutan dibuat, **Anda** dikehendaki mengemukakan laporan polis berserta bukti kerosakan, dan resit atau invois yang dikeluarkan oleh wakil penjual utama kenderaan atau bengkel membaiki kereta untuk kerja membaiki **Kereta Anda**.

Perlindungan ini tamat pada tarikh tuntutan **Anda** (tidak kira sama ada tuntutan **Anda** adalah untuk menggantikan atau membaiki bahagian **Kereta Anda** yang hilang atau rosak) dijelaskan sepenuhnya sehingga jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual** di bawah pengendorsan ini. Jika **Anda** mahu mendapatkan perlindungan berterusan, **Anda** mesti membeli perlindungan pengendorsan baru dan membayar premium tambahan kepada **Kami**.

Sebagai alternatif, jika bahagian **Kereta Anda** yang rosak dibaiki pada kos yang kurang daripada jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual**, perlindungan ini akan diteruskan tetapi had jumlah yang perlu dibayar akan dikurangkan sebanyak jumlah kos pembaikan. Untuk mengembalikan perlindungan ke had asal, **Anda** mesti membayar premium tambahan kepada **Kami** bagi perlindungan lebih tinggi, pada kadar yang dipersetujui atas jumlah kerugian yang dikira secara prorata dari tarikh kerugian tersebut hingga tamat tempoh premium insurans semasa.

Kami mempunyai hak mutlak untuk sama ada menggantikan atau membaiki bahagian **Kereta Anda** yang hilang atau rosak.

Endorsmen M011: Pengecualian untuk Ekses Wajib (Bukan Tarif)

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi pengendorsan ini, **Kami** bersetuju untuk mengecualikan hak **Kami** bagi potongan **Ekses** Wajib sebanyak RM400 seperti senario yang dinyatakan dalam Seksyen A2g dalam **Polisi** ini, yang berkenaan kepada **Anda** atau orang yang memandu **Kereta Anda** dengan izin **Anda** pada masa **Kejadian**.

Untuk mengelakkan keraguan, **Kami** tidak akan potong **Ekses** Wajib RM400 jika kerugian atau kerosakan adalah disebabkan kebakaran, letupan, disambar kilat, pecah masuk, pecah rumah, kecurian, kerosakan harta pihak ketiga atau tuntutan kecederaan tubuh badan pihak ketiga.

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat **Polisi** ini.

Endorsmen M013: Perkhidmatan Tundaan 24-Jam Tanpa Had (Bukan Tarif)

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** bayar kepada **Kami** bagi pengendorsan ini, jika **Kereta Anda** tidak boleh bergerak akibat kemalangan atau kerosakan yang tidak mungkin dibaiki di tepi jalan, MSIG Motor Assist yang disediakan oleh **Kami** akan menunda **Kereta Anda** ke bengkel pilihan **Anda** atau kembali ke rumah **Anda** tanpa had jarak dan kos tambahan. Bayaran tol termasuk dalam perkhidmatan sehingga RM20.00 dua hala.

<u>Had Wilayah</u>
Perkhidmatan Tundaan 24-Jam Tanpa Had akan disediakan di mana sahaja di Malaysia dan Singapura tidak termasuk Kepulauan kecuali Labuan, Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Pulau Pinang dan Pulau Redang. Ia juga termasuk di mana sahaja semasa dalam Thailand dan Brunei sehingga maksimum 130km dua hala.

Kami tidak akan mengembalikan mana-mana bahagian premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** jika **Anda** membatalkan pengendorsan ini pada bila-bila masa.

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat **Polisi** ini.

Endorsmen M017: Kemalangan Diri Pemandu (Bukan Tarif)

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa **Kami** akan membayar pampasan bagi kematian atau hilang upaya (Manfaat-manfaat) seperti yang dihuraikan di bawah sekiranya **Orang yang Diinsuranskan** tersebut adalah tercedera dan dalam masa satu tahun ianya berlaku **Kecederaan** tersebut adalah penyebab tunggal kepada kematian atau hilang upaya berkenaan.

Kami akan membayar **Anda** atau **Wakil Sah Anda** untuk **Kecederaan** seperti yang dimaksudkan di dalam **Polisi/Endorsmen** ini.

Manfaat	**Pampasan (RM)**

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

1.	**Kematian Kemalangan**	30,000
2.	**Hilang Upaya Kekal** seperti yang dinyatakan di bawah	
	a. Kehilangan kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki	30,000
	b. Kehilangan sebelah mata dan sebelah tangan atau sebelah kaki	30,000
	c. Lumpuh seluruh anggota secara keseluruhan	30,000
	d. Kehilangan penglihatan pada kedua-dua mata	30,000
3.	**Hilang Upaya Separa Kekal** seperti yang dinyatakan di bawah	Jumlah yang boleh dibayar adalah ditunjukkan di bawah terhadap setiap Manfaat, tetapi tidak melebihi RM30,000 bagi mana-mana satu **Orang yang Diinsuranskan.**
	a. Kehilangan sebelah kaki atau tangan	15,000
	b. Kehilangan penglihatan sebelah mata	15,000
	c. Kehilangan empat jari dan ibu jari pada sebelah tangan	15,000
	d. Kehilangan pendengaran kedua-dua telinga	15,000
	e. Kehilangan pertuturan	15,000
	f. Kehilangan semua jari kaki	4,500
4.	**Perbelanjaan Perubatan** Bayaran atau caj perubatan, pembedahan, hospital, rumah penjagaan dan penjagaan yang dikenakan dalam masa 52 minggu dari terjadinya **Kecederaan**, dengan syarat bahawa semua bayaran atau caj sedemikian adalah dikenakan secara perlu dan munasabah bagi khidmat-khidmat profesional daripada seorang Pengamal Perubatan, yang berkelayakan penuh dan berdaftar di hospital dan/atau Klinik.	Pembayaran balik sehingga RM2,000 berkenaan dengan mana-mana satu **Orang yang Diinsuranskan** di dalam mana-mana satu kemalangan.
5.	**Perbelanjaan Pengebumian & Pembakaran** Yang dikenakan secara perlu dan munasabah dan disokong oleh akaun beresit daripada suatu pengurus pengebumian berkenaan dengan kematian **Orang yang Diinsuranskan.**	Pembayaran balik sehingga RM3,000 berkenaan dengan mana- mana satu **Orang yang Diinsuranskan** di dalam mana- mana satu kemalangan.
6.	**Elaun Perkabungan** **Kami** akan membayar RM1,000 di atas satu tuntutan yang sah di bawah Manfaat 1 di atas.	
7.	**Bayaran Ambulans** **Kami** akan membayar balik caj-caj yang telah dikenakan oleh hospital atau oleh sebuah syarikat ambulans swasta untuk kecemasan / maklum balas ambulans yang diakibatkan oleh satu kemalangan kepada **Kereta** yang dinyatakan di dalam **Jadual** sehingga RM500.	
8.	**Pendapatan Hospital** **Kami** akan membayar elaun harian sebanyak RM75 kepada mana-mana **Orang yang Diinsuranskan** dalam satu kemalangan kepada **Kereta** yang dinyatakan di dalam **Jadual** bagi tempoh penahanan **Orang yang Diinsuranskan** di sebuah hospital bagi rawatan sehingga 60 hari.	
9.	**Pembedahan Kosmetik Muka/Pergigian Akibat Kemalangan** **Kami** akan membayar balik perbelanjaan-perbelanjaan perubatan yang ditanggung sehingga RM1,000 untuk rawatan atau pembedahan pembentukan semula muka / leher (pada atau di atas leher), kecacatan atau kerosakan pada gigi-gigi semula jadi berikutan kecederaan yang dialami akibat satu kemalangan dalam **Kereta** yang dinyatakan di dalam **Jadual** dengan syarat rawatan tersebut adalah dianggap perlu dan dijalankan oleh **Pengamal Perubatan** dalam masa 12 bulan dari tarikh kemalangan.	
10.	**Indemniti Berganda** Sekiranya kemalangan berlaku kepada **Kereta** yang dinyatakan di dalam **Jadual** semasa Cuti Umum seluruh Negara Malaysia serta menyebabkan kematian kemalangan atau hilang upaya kekal secara langsung yang menyebabkan lumpuh seluruh anggota secara keseluruhan, Manfaat 1 atau 2 (c) akan ditingkatkan kepada RM60,000.	

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

<u>Had Pampasan berkenaan dengan mana-mana satu Orang yang Diinsuranskan</u>

1. Bagi Manfaat 2 dan/atau Manfaat 3, "Kehilangan" yang merujuk kepada tangan atau kaki hendaklah bermaksud kehilangan menyeluruh penggunaan atau putus pada atau di atas pergelangan tangan atau sendi buku lali.

2. Pampasan tidak boleh dibayar bagi:
   a. mana-mana **Kecederaan** khusus di bawah Manfaat 2 dan/atau Manfaat 3 di mana, bagi **Kecederaan** yang sama itu pampasan yang lebih besar adalah boleh dibayar bagi bahagian lain Manfaat 2 dan/ atau Manfaat 3 yang termasuk juga **Kecederaan** khusus itu,
   b. Manfaat 1 sebagai tambahan kepada mana-mana Manfaat 2 dan/atau Manfaat 3 sekiranya ianya disebabkan oleh **Kecederaan** yang sama, melainkan sekiranya suatu pembayaran telah dibuat di bawah mana-mana bahagian Manfaat 2 dan/atau Manfaat 3 dan kematian telah berlaku selepas itu yang secara tunggalnya disebabkan oleh dan dalam masa satu tahun dari **Kecederaan** itu, maka kami akan membayar mana-mana perbezaan sekiranya

Pampasan yang boleh dibayar untuk Manfaat 1 adalah lebih besar daripada yang telah dibayar untuk Manfaat 2 dan/atau Manfaat 3,

c. lebih daripada RM30,000 secara agregat bagi mana-mana atau kesemua Manfaat 2 dan/atau Manfaat 3 untuk mana-mana satu **Orang yang Diinsuranskan**.

3. Pampasan boleh dibayar bagi:
   a. Kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah pada masa terjadinya kemalangan, akan layak menerima 50% daripada semua had manfaat seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual**.
   b. Had agregat sehingga kapasiti tempat duduk **Kereta** yang dibenarkan.

4. Tiada apa-apa yang boleh dibayar berkenaan dengan Manfaat 4 sekiranya terdapat mana-mana insurans lain yang sedang berkuat kuasa melindungi kerugian itu atau sekiranya anda atau **Orang yang Diinsuranskan** adalah berhak kepada indemniti daripada mana-mana sumber lain, dengan syarat kami hendaklah tidak dilepaskan daripada liabiliti di bawah Manfaat ini sejauh mana yang berkaitan dengan mana-mana lebihan yang menjangkaui amaun insurans atau indemniti lain sedemikian yang boleh dibayar.

Pengecualian

1. **Kecederaan** yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhannya atau sebahagiannya oleh :
   a. bunuh diri, mencederakan diri sendiri atau pendedahan kepada bahaya dengan sengaja (selain daripada cubaan untuk menyelamatkan hayat manusia), atau tindakan yang melanggar undang-undang,
   b. kehamilan, kelahiran anak, atau kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental kecuali disebabkan secara langsung oleh kemalangan,
   c. **Kereta** yang digunakan untuk perlumbaan, rali jalan, ujian kelajuan yang menentukan rentak atau penggunaan bagi apa-apa tujuan berkaitan dengan perniagaan motor,
   d. **Kereta** yang digunakan untuk pengajaran memandu,
   e. Pengecualian Politik:
      Insurans ini tidak melindungi apa-apa kerugian atau kerosakan disebabkan oleh atau menerusi atau yang merupakan akibat, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana satu daripada kejadian yang berikut, iaitu:-
      i) Pengambilalihan kekal atau sementara terhasil daripada rampasan atau tuntutan ke atas penyitaan pemiliknegaraan oleh mana-mana pihak berkuasa yang ditubuhkan secara sah di sisi undang-undang.
      ii) Pengambilalihan kekal atau sementara ke atas mana-mana bangunan terhasil daripada pendudukan yang menyalahi undang-undang sedemikian.
   f. kemalangan berlaku di luar Had Wilayah.

2. **Kecederaan** yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhannya atau sebahagiannya oleh :
   a. jangkitan bakteria (kecuali jangkitan piogenik di mana ia terjadi melalui luka atau cedera yang tidak disengajakan),
   b. apa-apa jenis penyakit lain,
   c. rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali seperti yang secara perlu semata-mata oleh **Kecederaan** yang dilindungi oleh Polisi ini dan dilaksanakan dalam tempoh masa yang diperuntukkan dalam Polisi),
   d. atau timbul daripada atau diakibatkan atau disebabkan oleh HIV (Virus Kekurangan Imun Manusia) dan/atau mana-mana penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) walau bagaimana ia disebabkan dan/atau apa-apa derivatif mutan, variasi atau rawatan daripadanya walau bagaimana ia disebabkan.

Syarat

1. **Kehilangan**
   Syarikat hendaklah menganggap bahawa kematian telah dialami oleh Pihak Diinsuranskan sekiranya dia hilang selama dua belas bulan berturut-turut, dan bukti yang mencukupi telah dikemukakan yang membawa kepada kesimpulan Syarikat bahawa kematian telah diakibatkan oleh suatu **Kecederaan** badan. Walau bagaimanapun, sekiranya pada bila-bila masa selepas pembayaran Manfaat untuk kematian tersebut Pihak Diinsuranskan itu didapati masih hidup, maka Manfaat itu hendaklah dipulangkan semula kepada Syarikat.

2. **Had Umur**
   Had umur ke atas mana-mana **Orang yang Diinsuranskan** yang dilindungi di dalam polisi ini adalah sehingga 75 tahun.

Syarat Tuntutan

1. **Syarat Terdahulu**
   Bayaran tuntutan di bawah Polisi ini adalah bergantung kepada pematuhan terma dan syaratnya oleh **Anda**, dan setakat mana ia dikenakan, oleh **Orang yang Diinsuranskan** atau mana-mana pihak menuntut.

2. **Makluman Kehilangan**
   Anda mesti melaporkan secara bertulis kepada **Kami** dalam masa tiga puluh (30) hari untuk memberikan butiran penuh apa-apa **Kecederaan** yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah **Endorsmen/Polisi** ini. Bagi kerugian selain daripada **Kecederaan** yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah **Endorsmen/Polisi**, **Anda** mesti melaporkan secara bertulis kepada **Kami** dalam masa empat belas (14) hari dengan butiran penuh kerosakan, dan jika perlu, **Kami** berhak untuk meminta dokumen sokongan dan / atau laporan yang berkaitan dengan perbelanjaan **Anda**.

3. **Pemeriksaan Perubatan**
   Anda atau **Orang yang Diinsuranskan** hendaklah mendapatkan perkhidmatan **Pengamal Perubatan** yang berdaftar dan **Orang yang Diinsuranskan** hendaklah menjalani mana-mana rawatan yang dianggap perlu oleh pengamal sedemikian. **Orang yang Diinsuranskan** mungkin perlu menjalani pemeriksaan perubatan selanjutnya yang dikehendaki oleh **Kami** atas perbelanjaan **Kami**.

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

4. **Dokumen**
Semua sijil, maklumat dan keterangan mestilah dikemukakan atas perbelanjaan **Anda** atau atas perbelanjaan mana-mana pihak menuntut dalam bentuk dan keadaan yang dikehendaki. Dalam kejadian kematian **Orang yang Diinsuranskan, Kami** menghendaki sijil kematian ditunjukkan dan mungkin menghendaki pemeriksaan post-mortem dibuat atas perbelanjaan **Kami.**

5. **Kapasiti Tempat Duduk**
Sekiranya bilangan sebenar **Orang yang Diinsuranskan** melebihi kapasiti tempat duduk yang dinyatakan dalam polisi, had liabiilti kami bagi Kematian Akibat Kemalangan/Kehilangan Upaya Kekal/Sebahagian bagi setiap **Orang yang Diinsuranskan** akan dikurangkan secara bersekadar dengan bilangan sebenar **Orang yang Diinsuranskan** dalam **Kereta.**

6. **Pembayaran Manfaat**
   a. Maka perihal mana-mana manfaat kematian akibat kemalangan yang boleh dibayar di bawah Manfaat seperti yang dinyatakan di atas berhubung dengan perlindungan kepada **Orang yang Diinsuranskan**, ia haruslah dibayar mengikut Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
   b. Maka perihal mana-mana manfaat yang boleh dibayar (kecuali mana-mana manfaat kematian akibat kemalangan) di bawah Jadual Manfaat seperti yang dinyatakan di atas berhubung dengan perlindungan kepada **Orang yang Diinsuranskan**, ia hendaklah dibayar kepada **Orang yang Diinsuranskan**. Walau bagaimanapun, sekiranya sebelum pembayaran manfaat dibayar kepada **Orang yang Diinsuranskan**, **Orang yang Diinsuranskan** itu meninggal dunia, oleh itu, **Kami** akan membayar manfaat kepada wakil peribadi sah **Orang yang Diinsuranskan** dengan syarat wakil peribadi sah tersebut mematuhi semua terma-terma dan syarat-syarat **Endorsmen/Polisi** ini.

7. **Fasal Sekatan Had dan Pengecualian**
Tiada penanggung insurans adalah disifatkan untuk menyediakan perlindungan dan tiada penanggung insurans bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa manfaat di bawah ini setakat mana peruntukan seperti perlindungan, pembayaran tuntutan atau peruntukan daripada manfaat ini yang akan mendedahkan syarikat insurans itu kepada apa-apa sanksi, larangan atau sekatan di bawah resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi sekatan, undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

Beberapa definisi yang digunakan untuk Endorsmen ini (Nota: bagi definisi yang dinyatakan dalam huruf tebal yang tidak ditakrifkan dalam **Endorsmen** ini, sila rujuk definisi yang dinyatakan dalam Polisi).

1. **Diri yang Diinsuranskan**
bermaksud **Anda**, pemilik **Kereta** yang dinamakan di dalam **Jadual**.

2. **Orang yang Diinsuranskan/Anda**
bermaksud **Anda**, mana-mana pemandu yang diberi kuasa oleh **Anda** dan penumpang-penumpang **Anda.**

3. **Kecederaan**
bermaksud kematian atau hilang upaya kekal ke atas **Orang yang Diinsuranskan** semasa memandu atau sebagai penumpang dan/atau menaiki atau menuruni daripada **Kereta** yang dinyatakan di dalam **Jadual.**

Berkenaan dengan Individu Pemilik **Kereta** Bermotor Persendirian, perlindungan **Kecederaan** tubuh akan dilanjutkan kepada dia, pasangan dan anak semasa :

1. menaiki, menumpang, memandu atau melancong sebagai seorang penumpang menggunakan sebarang kenderaan persendirian selain dari motosikal dan/atau skuter.
2. sebagai pejalan kaki bagi kemalangan yang melibatkan sebarang kenderaan di atas jalan atau laluan keretapi.
3. melancong sebagai penumbang berbayar di atas keretapi, feri atau sebagai penumpang kapal pelayaran semasa tempoh insurans dan berada dalam Had Wilayah.

4. **Wakil Sah**
bermaksud individu atau Pemegang Amanah Raya atau syarikat amanah yang berhak di bawah undang-undang untuk menerima wang polisi yang perlu dibayar di bawah **Endorsmen** ini menurut Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 bagi kematian akibat kemalangan ke atas **Orang yang Diinsuranskan**.

5. **Pengamal Perubatan**
bermaksud mana-mana orang yang berkelayakan dengan suatu ijazah di dalam bidang perubatan barat dan berlesen sah dan dibenarkan untuk mengamalkan perubatan dan pembedahan.

Endorsmen M019: Elaun Pembaikan Kemalangan (Bukan Tarif)

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** akan membayar elaun berdasarkan amaun diberikan di dalam **Jadual Polisi**, sekiranya **Kereta Anda** diletakkan di bengkel pembaikan motor untuk dibaiki menurut tuntutan di bawah Seksyen A **Polisi**. Elaun ini hanya akan dibayar sekiranya **Kereta Anda** yang rosak diletakkan di bengkel untuk tempoh minimum empat (4) hari bekerja seperti yang disahkan oleh **Ajuster** dengan kos kelulusan membaiki minimum sebanyak RM5,000.

Sekiranya tuntutan dibuat, **Anda** mesti memberi **Kami** yang berikut:
a. gambar **Kereta Anda** yang rosak termasuk gambar keseluruhan **Kereta** dan nombor pendaftaran **Kereta**; dan
b. salinan laporan polis dan kad pendaftaran.

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

Kami tidak akan memotong sebarang **Ekses** bagi setiap tuntutan yang **Kami** setuju untuk bayar di bawah endorsmen ini dan **Anda** tidak akan hilang kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda**.

Kami tidak akan membayar:
a. jika tuntutan **Anda** hanya untuk cermin pecah;
b. jika tuntutan **Anda** adalah untuk kecurian, kerugian sepenuhnya **Kereta Anda** atau di dalam proses "Beyond Economic Repair".

Kami tidak akan mengembalikan mana-mana bahagian premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** jika **Anda** membatalkan endorsmen ini pada bila-bila masa.

Perlindungan ini akan terbatal secara automatik apabila tuntutan terhadap pengendorsan ini telah dijelaskan. Jika **Anda** mahu mendapatkan perlindungan berterusan, **Anda** perlu membeli perlindungan pengendorsan baru dan membayar premium tambahan kepada **Kami**.

Endorsmen M020: EZ-Mile (Bukan-Tarif)

Apabila Polisi Anda diperluas untuk meliputi Endorsmen ini, Anda dianggap telah memberikan kebenaran kepada **Kami** untuk memproses **Data**. **Data** akan diproses oleh **Kami** untuk tujuan pengendalian tuntutan, penilaian tuntutan, menganalisis dan memprofilkan tingkah laku pemanduan **Anda** dan penggunaan **Kereta**. Peringatan juga akan dihantar kepada **Anda** melalui **App** untuk mengemas kini bacaan odometer dan **Tambah Nilai Kereta Anda**, bergantung pada penggunaan **Kereta Anda**.

Perlindungan
Kami akan membayar ganti rugi kepada:

a. **Anda** untuk kerugian atau kerosakan pada **Kereta Anda** sekiranya berlaku **Kejadian** yang dinyatakan di bawah Seksyen A1a **Polisi** ini, jika jarak perbatuan **Kereta Anda** berada dalam **Jarak Perbatuan Diperuntukkan** dan **Jarak Perbatuan Tambahan** (dan sebarang **Tambah Nilai Jarak Perbatuan** yang dibeli) yang dinyatakan dalam **Jadual** semasa **Tempoh Insurans**; dan/atau

b. **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan**, tanpa mengira **Jarak Perbatuan Diperuntukkan** dan **Jarak Perbatuan Tambahan** (dan sebarang **Tambah Nilai Jarak Perbatuan** yang dibeli) untuk amaun yang **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan** bertanggungjawab menurut undang-undang untuk membayar mana-mana pihak ketiga (termasuk kos dan perbelanjaan pihak ketiga) untuk kejadian seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen B1a **Polisi** ini,

dengan syarat **Anda** telah memperluaskan **Polisi Anda** untuk meliputi **Endorsmen** ini pada tarikh pembelian **Polisi** (dan mana-mana **Endorsmen M021** untuk **Tambah Nilai Jarak Perbatuan** yang dibeli).

Untuk mengelakkan keraguan, **Endorsmen** dengan nombornya yang dicetak secara khusus dalam **Jadual** juga akan digunakan jika **Anda** tidak melebihi **Jarak Perbatuan Diperuntukkan** dan **Jarak Perbatuan Tambahan Anda** (dan sebarang **Tambah Nilai Jarak Perbatuan** yang dibeli).

Syarat Melebihi Jarak Perbatuan Diperuntukkan
Sekiranya **Anda** telah melebihi **Jarak Perbatuan Diperuntukkan** dan **Jarak Perbatuan Tambahan** (dan sebarang **Tambah Nilai Jarak Perbatuan** yang dibeli), **Anda** hanya akan dilindungi untuk:

a. Kerugian atau kerosakan pada **Kereta Anda** disebabkan oleh:
   (i) kebakaran, letupan atau disambar kilat seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen A1a(v) **Polisi** ini;
   (ii) Pecah masuk, pecah rumah atau kecurian seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen A1a(vii) **Polisi** ini, dengan syarat sama ada satu (1) atau lebih daripada perkara ini berlaku semasa **Kereta Anda** berada di tempat simpanan yang selamat dalam kawasan kediaman **Anda** atau dalam kawasan komuniti berpagar dan/atau berkawal di mana **Anda** tinggal; dan/atau

b. Liabiliti **Anda** kepada pihak ketiga seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen B1a **Polisi** ini;

c. **Endorsmen** berikut, dengan syarat **Endorsmen** dicetak secara khusus dalam **Jadual**:
   (i) Liabiliti Penumpang Di Sisi Undang-undang Kerana Perbuatan Cuai (***Endorsmen 72***);
   (ii) Perlindungan untuk Cermin Depan / Belakang, Tingkap dan Bumbung Matahari (***Endorsmen 89***);
   (iii) Perlindungan Berasingan Bagi Aksesori yang Dipasang pada Kereta Anda ***(Endorsmen 97)***;
   (iv) Peralatan Penukaran Gas dan Tangki ***(Endorsmen 97(a))***;
   (v) Liabiliti dari segi Undang-undang terhadap Penumpang **(*Endorsmen 100*)**;
   (vi) Perlindungan Kunci Pintar (Bukan Tarif) ***(Endorsmen M001)***;
   (vii) Perkhidmatan Tundaan 24 Jam Tanpa Had (Bukan Tarif)**(*Endorsmen M013*)**;
   (viii) Perlindungan PA Pemandu (Bukan Tarif)***(terpakai hanya untuk Polisi Insurans Kereta Persendirian dengan PA Pemandu MSIG)***;
   (ix) Kemalangan Diri Pemandu (Bukan Tarif) **(*Endorsmen M017*)**;
   (x) Perlindungan Kemalangan Diri Pemegang Polisi (Bukan Tarif) **(*Endorsmen L001*)**;
   (xi) Kehilangan atau Kerosakan Harta Benda Peribadi (Bukan Tarif) **(*Endorsmen L003*)**;
   (xii) Elaun Pengangkutan (Bukan Tarif) (***Endorsmen L004***);
   (xiii) Had Liabiliti bagi Kerosakan Harta Pihak Ketiga (TPPD) **(Endorsmen 105)**;
   (xiv) Pampasan "NCD" Tahun Semasa **(Endorsmen 111)**,

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

jika jarak perbatuan **Kereta Anda** melebihi **Jarak Perbatuan Diperuntukkan** dan **Jarak Perbatuan Tambahan** (dan sebarang **Tambah Nilai Jarak Perbatuan** yang dibeli).

Pengecualian
Kami tidak akan membayar untuk yang berikut:

a. Jika **Anda** telah melebihi **Jarak Perbatuan Diperuntukkan** dan **Jarak Perbatuan Tambahan** (dan mana-mana **Tambah Nilai Jarak Perbatuan** yang dibeli)
   (i) Sebarang **Kejadian**, kerugian atau kerosakan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen A1a, kecuali untuk Seksyen A1a(v) dan Seksyen A1a(vii), dengan syarat sama ada satu (1) atau lebih kejadian seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen A1a(vii) berlaku semasa **Kereta Anda** berada di tempat simpanan yang selamat di dalam kawasan kediaman **Anda** atau dalam kawasan komuniti berpagar dan/atau berkawal di mana **Anda** tinggal, jika jarak perbatuan **Kereta Anda** melebihi **Jarak Perbatuan Diperuntukkan** dan **Jarak Perbatuan Tambahan** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Anda** dan **Tambah Nilai Jarak Perbatuan** di bawah **Endorsmen M021**, jika ada, semasa **Tempoh Insurans**;
   (ii) **Endorsmen**
   - Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam ***(Endorsmen 25)***;
   - Perlindungan Tambahan Bencana Khas ***(Endorsmen 57)***;
   - Pampasan untuk Tempoh Pembaikan yang Dianggarkan (CART) ***(Endorsmen 112)***;
   - Pengecualian Kos Penambahbaikan (Bukan Tarif) ***(Endorsmen M004)***;
   - Menyertakan Perlindungan Tambahan Bencana Khas Atas Dasar Kerugian Pertama (Bukan Tarif) ***(Endorsmen M010)***;
   - Pengecualian untuk Ekses Wajib (Bukan Tarif) ***(Endorsmen M011)***;
   - Elaun Pelegaan Kesulitan (Bukan Tarif) ***(Endorsmen L002)***;
   - Elaun Pembaikan Kemalangan (Bukan Tarif) **(Endorsmen M019)**;
   - Treler Karavan **(Endorsmen 22)**;
   - Perluasan Perlindungan ke Negara Thailand **(Endorsmen 101)**;
   - Perluasan Perlindungan ke Kalimantan Barat **(Endorsmen 102)**.

b. Kewajipan kewangan **Anda** di bawah perjanjian Sewa Beli **Anda** dengan pemilik/pembiaya **Kereta Anda** jika **Anda** telah melebihi **Jarak Perbatuan Diperuntukkan** dan **Jarak Perbatuan Tambahan** (dan apabila tiada **Tambah Nilai Jarak Perbatuan** dibuat).

c. Tuntutan Palsu
Sebarang kerugian atau kerosakan jika bacaan odometer **Kereta Anda** telah diubah atau dimanipulasi, tidak betul pada masa penyerahan bacaan odometer **Kereta Anda**, atau odometer **Kereta Anda** tidak berfungsi dan **Anda** gagal membaikinya.

Syarat-syarat
a. Bacaan Odometer
Anda hendaklah menyerahkan gambar tepat bacaan odometer **Kereta Anda** pada tarikh permulaan **Polisi** untuk pendaftaran kali pertama dan pembaharuan seterusnya, dan sekiranya berlaku tuntutan. **Kami** akan memberi **Anda** tempoh tangguh selama tiga (3) hari dari tarikh permulaan **Polisi** untuk pendaftaran kali pertama dan pembaharuan seterusnya untuk mengemas kini bacaan odometer **Kereta Anda** dan jika **Anda** gagal berbuat demikian, bacaan odometer yang **Anda** serahkan dan **Kami** masukkan semasa pembelian **Polisi** untuk pendaftaran kali pertama dan pembaharuan seterusnya akan dianggap sebagai bacaan odometer yang betul untuk mula mengukur jarak perbatuan untuk pelan yang **Anda** beli. **Anda** juga dikehendaki menyerahkan gambar bacaan odometer **Kereta Anda** yang tepat pada selang masa tiga (3) bulan sepanjang tempoh **Polisi** untuk memastikan jarak perbatuan **Microtag MSIG** dan bacaan jarak perbatuan odometer **Kereta Anda** diselaraskan.

Anda harus memastikan odometer **Kereta Anda** sentiasa berfungsi dan kerap menyemak bacaan odometer **Kereta Anda** untuk memastikan **Jarak Perbatuan Diperuntukkan Anda** tidak habis digunakan.

b. Pelan Jarak Perbatuan
Anda harus memastikan bahawa **Anda** membeli pelan dengan perlindungan jarak perbatuan yang mencukupi untuk **Kereta Anda** bagi meliputi **Tempoh Insurans Anda**. Selepas penggunaan sepenuhnya **Jarak Perbatuan Diperuntukkan** dan Jarak **Perbatuan Tambahan Anda**, **Kami** hanya akan membayar kerugian untuk kecederaan badan pihak ketiga, kerosakan harta benda pihak ketiga dan sebarang kerugian atau kerosakan pada **Kereta Anda** akibat kebakaran, letupan atau disambar kilat. Sebarang kerugian atau kerosakan pada **Kereta Anda** akibat pecah masuk, pecah rumah atau kecurian tidak dilindungi, dengan syarat sama ada satu (1) atau lebih daripada ini berlaku semasa **Kereta Anda** berada di tempat simpanan yang selamat dalam kawasan kediaman **Anda** atau dalam kawasan komuniti berpagar dan/atau berkawal di mana **Anda** tinggal. **Kami** tidak akan membayar sebarang kehilangan atau kerosakan pada **Kereta Anda** akibat kemalangan. **Anda** mempunyai pilihan untuk membeli **Tambah Nilai Jarak Perbatuan** untuk memastikan **Anda** menikmati perlindungan menyeluruh.

c. Tambah Nilai
Anda hendaklah menyerahkan gambar bacaan odometer terkini **Kereta Anda** bersama-sama dengan gambar terkini **Kereta Anda** apabila **Anda** membeli **Tambah Nilai Jarak Perbatuan**. **Anda** dibenarkan untuk membeli **Tambah Nilai Jarak Perbatuan** tanpa had jika **Anda** anggap perlu semasa **Tempoh Insurans**. Setiap **Tambah Nilai** akan ditambahkan pada pelan **Jarak Perbatuan Diperuntukkan Anda** yang sedia ada.

Untuk mengelakkan keraguan,
(i) **Tambah Nilai Jarak Perbatuan** tidak menggantikan pelan **Jarak Perbatuan Diperuntukkan Anda**.

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

(ii) Selepas **Jarak Perbatuan Diperuntukkan** digunakan sepenuhnya, perlindungan komprehensif **Anda** hanya akan diteruskan dari masa **Tambah Nilai Jarak Perbatuan** dibeli.

d. Pembatalan/Perubahan Pertengahan Penggal
Tiada pembatalan dan/atau perubahan pertengahan penggal dibenarkan di bawah **Endorsmen** ini kecuali **Polisi Anda** dibatalkan pada masa yang sama.

Peranti Microtag MSIG

a. Pemasangan Microtag MSIG

(i) Setelah membeli **Endorsmen** ini, **Pembekal Perkhidmatan Kami** akan menghantar **Peranti Microtag MSIG** ke alamat surat-menyurat **Anda** dalam tempoh dua belas (12) hari sebelum tarikh permulaan **Polisi** atau semasa mendaftar akaun.

(ii) **Anda** dikehendaki melekatkan **Peranti Microtag MSIG** di dalam **Kereta Anda** untuk tujuan pemadanan Bluetooth, dan **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** hendaklah menghubungkan **Peranti Microtag MSIG** dengan telefon pintar **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan**, untuk pengaktifan melalui Bluetooth dalam masa tujuh (7) hari selepas menerima **Peranti Microtag MSIG**.

(iii) Sekiranya **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** gagal melekatkan **Peranti Microtag MSIG** di dalam **Kereta Anda** dan/atau mengaktifkan padanan Bluetooth melalui telefon pintar dalam masa tujuh (7) hari selepas menerima **Peranti Microtag MSIG**:

- Kami tidak akan dapat mengumpul **Jarak Perbatuan** daripada perjalanan **Anda**;
- **Anda** tidak akan menikmati mana-mana ciri keselamatan **Peranti Microtag MSIG**;
- **Kami** tidak akan membayar sebarang kehilangan atau kerosakan pada **Kereta Anda** akibat kemalangan;
- Sebarang kerugian atau kerosakan pada **Kereta Anda** akibat pecah masuk, pecah rumah atau kecurian tidak dilindungi, dengan syarat sama ada satu (1) atau lebih daripada ini berlaku semasa **Kereta Anda** berada di tempat simpanan yang selamat dalam kawasan kediaman **Anda** atau dalam kawasan komuniti berpagar dan/atau berkawal di mana **Anda** tinggal; dan
- **Kami** hanya akan membayar kerugian untuk kecederaan tubuh badan pihak ketiga, kerosakan harta pihak ketiga dan sebarang kerugian atau kerosakan pada **Kereta Anda** akibat kebakaran, letupan atau disambar kilat.

b. Penggantian Microtag MSIG
Peranti Microtag MSIG yang dibekalkan oleh **Pembekal Perkhidmatan Kami** dilengkapi dengan waranti satu (1) tahun yang meliputi kecacatan pembuatan. Sekiranya berlaku sebarang kehilangan atau kerosakan pada **Peranti Microtag MSIG** disebabkan oleh penyalahgunaan, diusik, gangguan atau pengubahan yang tidak dibenarkan oleh **Anda** atau mana-mana orang yang tidak dibenarkan, **Anda** boleh meminta penggantian **Peranti Microtag MSIG** dengan menghubungi Helpdesk Microtag MSIG di 03-58880197 atau melalui borang Dalam App Helpdesk Microtag MSIG dan **Pembekal Perkhidmatan Kami** akan memberikan **Anda** penggantian **Peranti Microtag MSIG** dengan caj sebanyak RM90.

Adalah sangat penting untuk **Anda** memastikan **Peranti Microtag MSIG** berjaya disambungkan ke telefon pintar Anda sepanjang masa apabila **Kereta** dipandu sepanjang tempoh **Polisi**.

Definisi
Beberapa definisi yang boleh digunakan untuk Endorsmen ini (Nota: bagi definisi dalam huruf tebal yang tidak ditakrifkan dalam **Endorsmen** ini, sila rujuk definisi dalam huruf tebal yang dinyatakan dalam **Polisi**).

a. Jarak Perbatuan Diperuntukkan
Ini merujuk kepada pelan jarak perbatuan yang **Anda** pilih semasa membeli atau memperbaharui **Polisi Anda**. **Jarak Perbatuan Diperuntukkan** ialah jarak maksimum yang **Anda** anggarkan untuk perjalanan semasa **Tempoh Insurans**. **Anda** mesti memilih pelan jarak perbatuan yang mencukupi berdasarkan anggaran penggunaan tahunan **Kereta Anda** dan terdapat tiga (3) pelan jarak perbatuan seperti di bawah:

Pelan	Pelan Jarak Perbatuan (kilometer setahun)
A	0 sehingga 5,000
B	0 sehingga 10,000
C	0 sehingga 15,000

b. App
Ini merujuk kepada ciri pengesanan aplikasi telefon pintar **Kami** yang dimuat turun dan **Anda** pasang dalam telefon pintar **Anda**.

c. Data
Ini merujuk kepada maklumat, rekod dan/atau data lain yang berkaitan dengan tingkah laku pemanduan **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan** dan penggunaan **Kereta Anda**, yang dikumpul dan/atau dihantar melalui **App** yang dimuat turun dan dipasang dalam telefon pintar **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan**, dan termasuk tanpa had:

- Masa dan tarikh perjalanan;
- Lokasi **Kereta Anda**;
- Jarak perjalanan;
- Kelajuan **Kereta Anda** untuk setiap perjalanan; dan
- Gangguan telefon seperti menggunakan telefon pintar semasa memandu.

Pengumpulan **Data** akan dianggap telah bermula apabila telefon pintar **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** disambungkan ke **Peranti Microtag MSIG** yang dipasang melalui Bluetooth di **Kereta Anda**.

d. Jarak Perbatuan Tambahan

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

Tambahan maksimum sebanyak lima ratus (500) kilometer setahun ditambah secara automatik apabila **Kereta Anda** telah melampaui pelan **Jarak Perbatuan Diperuntukkan** semasa **Tempoh Insurans**.

e. Peranti Microtag MSIG

Ini merujuk kepada peranti Bluetooth tanpa wayar yang akan dipadankan dengan telefon pintar **Anda** untuk menikmati ciri-ciri berikut:

- eCall ADR – Pengecaman Pemandu Automatik: Sistem mengesan kemalangan yang teruk melalui telefon pintar. Sekiranya berlaku kemalangan, talian bantuan **Kami** akan menghubungi **Anda** untuk memberikan bantuan. Tekan butang SOS MSIG untuk mengabaikan amaran jika **Anda** selamat.
- bCall Concierge: Tekan butang SOS MSIG pada **Peranti Microtag MSIG** untuk meminta bantuan sekiranya berlaku kerosakan atau kecemasan. Pusat Panggilan akan menghubungi **Anda** untuk memberikan bantuan.
- Amaran Pemanduan Selamat (SDA): Menghantar mesej teks semasa memandu adalah salah satu punca utama kemalangan. Hidupkan SDA untuk supaya amaran berbunyi dikeluarkan dalam masa nyata bagi mengelakkan gangguan semasa memandu.
- Peringatan tentang pengemaskinian bacaan odometer terkini dan penyerahan foto sebelum tarikh Permulaan **Polisi**, pembaharuan seterusnya, sekiranya berlaku tuntutan, pada selang masa tiga (3) bulan sepanjang tempoh **Polisi** dan **Tambah Nilai Jarak Perbatuan**.

f. Pembekal Perkhidmatan

Ini merujuk kepada CSE Telematics Sdn Bhd yang merupakan pembekal sah **Kami** dan pembekal perkhidmatan **Peranti Microtag MSIG** walaupun **Kami** kemudiannya boleh melantik mana-mana **Pembekal Perkhidmatan** lain yang **Kami** anggap sesuai.

g. Tambah Nilai

Ini merujuk kepada **Tambah Nilai Jarak Perbatuan** sebanyak tiga ribu (3,000) kilometer yang dibeli oleh **Anda** dengan membayar premium tambahan kepada **Kami** semasa **Tempoh Insurans**.

Penafian dan Had Liabiliti

Peranti Microtag MSIG disediakan kepada **Anda** oleh **Pembekal Perkhidmatan** semata-mata untuk tujuan yang dinyatakan dalam **Endorsmen** ini. **Kami** tidak akan bertanggungjawab, secara langsung atau tidak langsung, untuk apa-apa jenis ganti rugi khas, sampingan, punitif atau berbangkit, sama ada yang timbul akibat pelanggaran kontrak, tort (termasuk kecuaian), liabiliti ketat atau sebaliknya timbul daripada penggunaan **Peranti Microtag MSIG**. Sila pastikan bahawa **Anda** membaca dan memahami terma dan syarat yang berkaitan dengan jaminan produk dan penggunaan **Peranti Microtag MSIG** seperti yang dinyatakan dalam lembaran Terma Penggunaan.

Kerahsiaan dan Privasi

Semua **Data** disimpan secara rahsia dan diproses semata-mata bagi **Endorsmen** ini, selaras dengan undang-undang privasi data ditetapkan yang sedang berkuatkuasa di Malaysia.

Tertakluk sebaliknya kepada terma dan syarat **Polisi** ini.

Endorsmen M021: Tambah Nilai Jarak Perbatuan (Bukan Tarif)

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** bayar kepada **Kami** bagi **Endorsmen** ini, **Kami** bersetuju untuk meningkatkan **Jarak Perbatuan Diperuntukkan** oleh **Endorsmen M020** dengan **Tambah Nilai Jarak Perbatuan** sebanyak tiga ribu (3,000) kilometer.

Tertakluk sebaliknya kepada terma dan syarat **Polisi** ini.

Waranti No.1 - Waranti Ke Atas Lebihan Muatan Kenderaan (Diterima Pakai Ke Atas Semua Kenderaan Perdagangan Termasuk Bas dan Van Persendirian)

Adalah diwarantikan bahawa Kami tidak akan bertanggungjawab di bawah Seksyen A Polisi ini sekiranya pada masa berlaku kemalangan yang menimbulkan sesuatu tuntutan di bawah Polisi ini, Kenderaan Anda membawa muatan yang berlebihan daripada berat yang dibenarkan dan/atau bilangan penumpang yang dinyatakan di dalam buku pendaftaran Kenderaan Anda. Dengan syarat waranti ini tidak diterima pakai kecuali muatan yang berlebihan melebihi 10% daripada berat yang dibenarkan (untuk kenderaan membawa barang).

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Nota: Untuk tujuan pengiraan bilangan orang di mana kanak-kanak dibawa, pelarasan yang sewajarnya hendaklah dibuat seperti yang dibenarkan oleh mana-mana perundangan bagi membawa kanak-kanak di dalam Kenderaan Bermotor.

Endorsmen EV01: Kereta Elektrik (Bukan Tarif)

Kami bersetuju untuk melanjutkan **Polisi** ini tertakluk kepada terma dan syarat serta pengecualian untuk melindungi **Elektrik Kereta Anda**.

Perlindungan

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

Kami akan membayar ganti rugi kepada:

a. **Anda** untuk hilang atau rosak pada **Kereta Anda** sekiranya berlaku **Kejadian** yang dinyatakan di bawah seksyen A1a **Polisi** ini.

b. **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan**, untuk amaun yang **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan** bertanggungjawab menurut undang-undang untuk membayar mana-mana pihak ketiga untuk kejadian seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen B1a **Polisi** ini.

Pengecualian
Kami tidak akan membayar untuk yang berikut:

1. **Kabel Pengecas Anda** kecuali rosak seperti **Kejadian** yang dinyatakan di bawah Seksyen A atau dicuri bersama-sama dengan **Kereta Anda**.

2. **Kemas Kini Melalui Atas Talian (OTA)**
   Sebarang kerugian, kerosakan, kecederaan atau liabiliti (termasuk sebarang kos untuk mempertahankan sebarang tindakan) yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung kepada:
   a. Kendalikan **Kereta Anda** dengan kemas kini **OTA** yang tidak diluluskan oleh pengilang **Kereta Anda**; atau
   b. Kendalikan **Kereta Anda** dengan kemas kini **OTA** yang tidak dikeluarkan oleh pengilang **Kereta Anda**.

Definisi
Beberapa definisi yang boleh digunakan untuk Endorsmen ini.

a. Kabel Pengecas
Ini merujuk kepada kabel antara stesen pengecasan dan **Kereta Elektrik** untuk membekalkan elektrik kepada bateri.

b. Kereta Elektrik
Kereta Elektrik (EV) yang beroperasi pada motor elektrik tanpa enjin pembakaran dalaman dan dikuasakan sepenuhnya oleh elektrik daripada bateri yang memerlukan pengecasan.

c. Kemas Kini Melalui Atas Talian (OTA)
Ini merujuk kepasa kemas kini perisian seperti kefungsian, prestasi dan kemas kini keselamatan yang dipasang secara wayarles.

Tertakluk sebaliknya kepada terma dan syarat **Polisi** ini.

Endorsmen EV04: Pengecas Dinding Rumah Kenderaan Elektrik (EV) (Bukan Tarif)

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** bayar kepada **Kami** bagi pengendorsan ini,**Kami** akan menanggung rugi **Anda** perbelanjaan yang ditanggung untuk membaiki atau mengantikan pengecas dinding rumah EV sehingga RM20,000, sekiranya kehilangan atau kerosakan akibat kebakaran, kilat, letupan, pesawat dan peranti udara dan/atau barang yang tercicir daripadanya, kesan kerosakan daripada kenderaan jalan raya, pecah atau limpahan tangka air, radas atau paip, kecurian (akibat kemasukan ganas dan paksa), taufan, ribut angin, gempa bumi, letupan gunung berapi dan banjir.

Sekiranya tuntutan dibuat, **Anda** mesti memberi **Kami** yang berikut:

a. salinan laporan polis;
b. salinan invois pembaikian/resit rasmi; dan
c. sebarang dokumen lain yang berkaitan yang diminta oleh **Kami**.

Perlindungan ini terhad kepada satu (1) kejadian dalam setiap **Tempoh Insurans** dan pengambilan semula untuk perlindungan ini tidak dibenarkan semasa **Tempoh Insurans**. Mana-mana tuntutan yang **Kami** bersetuju untuk membayar di bawah pengendorsan ini, **Kami** tidak akan memotong sebarang **Ekses** dan **Anda** tidak akan hilang kelayakan NCD **Anda.**

Pengecualian
Kami tidak akan membayar untuk mana-mana keadaan berikut:

1. Kehilangan atau kerosakan kepada pengecas dinding rumah EV **Anda** yang disebabkan oleh kesan kerosakan daripada **Kenderaan Anda**; atau
2. Kehilangan atau kerosakan kepada pengecas dinding rumah EV **Anda** yang disebabkan oleh kesan kerosakan daripada kenderaan yang dimiliki oleh **Ahli Keluarga Anda**; atau
3. Kerosakan atau kepincangan fungsi secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, dihasilkan oleh, atau akibat daripada haus atau kemerosotan biasa, penyalahgunaan, salah guna, kecuaian, kekurangan atau penggunaan yang tidak wajar, penyelenggaraan, penyimpanan atau pengangkutan; atau
4. Kerosakan dan/atau pembaikan yang dilindungi di bawah waranti pengilang; atau
5. Sebarang pengubahan atau pengubahsuaian pada pengecas dinding rumah EV **Anda** yang tidak diluluskan oleh pengilang; atau
6. Faktor luaran yang tidak dinyatakan di bawah endorsmen ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pendawaian elektrik yang rosak, kotak simpang, pemutus litar, bekas atau salur keluar kuasa; atau
7. Penampakan umum atau kerosakan pada cat, termasuk serpihan, calar, kemek dan retak melainkan kehilangan atau kerosakan akibat kejadian dilindungi yang dinyatakan di bawah endorsmen ini; atau
8. Kegagalan untuk menghubungi pengilang apabila mendapati terdapat kecacatan pada pengecas dinding rumah EV **Anda**; atau

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

9. Pengecas dinding rumah EV digunakan untuk tujuan komersial; atau
10. Pengecas dinding rumah EV yang dilindungi di bawah polisi kebakaran untuk kejadian dilindungi yang dinyatakan di bawah endorsmen ini; atau
11. Sebarang tuntutan yang dibayar dan dilindungi di bawah mana-mana polisi lain.

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat **Polisi** ini.

Endorsmen EV05: Elaun Kos Pembersihan (Bukan Tarif)

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** bayar kepada **Kami** bagi pengendorsan ini, **Kami** akan membayar **Anda** elaun sebanyak RM3,000 disebabkan kejadian yang dilindungi pada pengecas dinding rumah EV **Anda** yang dinyatakan di bawah **Endorsmen EV04: Pengecas Dinding Rumah Kenderaan Elektrik (EV).**

Syarat
Anda mesti memastikan bahawa tuntutan yang sah dikemukan untuk **Endorsmen EV04: Pengecas Dinding Rumah Kenderaan Elektrik (EV)** untuk menuntut manfaat ini.

Perlindungan ini terhad kepada satu (1) kejadian dalam setiap **Tempoh Insurans** dan pengambilan semula untuk perlindungan ini tidak dibenarkan semasa **Tempoh Insurans**. Mana-mana tuntutan yang **Kami** bersetuju untuk membayar di bawah pengendorsan ini, **Kami** tidak akan memotong sebarang **Ekses** dan **Anda** tidak akan hilang kelayakan NCD **Anda.**

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat **Polisi** ini.

Endorsmen EV06: Liabiliti Peribadi disebabkan Penggunaan Terus Pengecas Dinding Rumah Kenderaan Elektrik (EV) (Bukan Tarif)

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** bayar kepada **Kami** bagi pengendorsan ini, **Kami** akan menanggung rugi **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan Anda** sehingga RM50,000 yang mana **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan Anda** akan bertanggungjawab secara sah untuk membayar pampasan berkenaan dengan:

a. kematian atau kecederaan badan kepada pihak ketiga secara tidak sengaja; dan/atau
b. kerosakan kepada harta pihak ketiga secara tidak sengaja;

di mana kematian atau kecederaan badan dan/atau kerosakan harta secara tidak sengaja disebabkan oleh penggunaan terus pengecas dinding rumah EV **Anda** untuk mengecas **Kenderaan Anda** di pemastautin **Anda** pada masa **Kejadian**.

Had Liabiliti
Liabiliti **Kami** akan dibayar kepada mana-mana pihak yang menuntut atau mana-mana bilangan pihak yang menuntut yang timbul daripada mana-mana satu **Kejadian**, dalam mana-mana satu **Tempoh Insurans** termasuk semua kos undang-undang dan perbelanjaan yang ditanggung oleh **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan Anda** dengan persetujuan **Kami**. Had liability **Kami** tidak boleh melebihi jumlah RM50,000 semasa mana-mana **Tempoh Insurans**. Sebarang tuntutan yang dibayar di bawah endorsmen ini akan mengurangkan had sebanyak amaun tersebut dari tarikh **Kejadian** sehingga tamat **Tempoh Insurans Polisi** ini. Endorsmen ini akan berhenti berkuat kuasa sebaik sahaja jumlah RM50,000 telah dibayar sepenuhnya.

Pengecualian
Kami tidak akan membayar untuk mana-mana keadaan berikut:

1. Kematian atau kecederaan badan atau kerosakan yang **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** menyebabkan dengan sengaja; atau
2. Kematian atau kecederaan badan kepada **Ahli Keluarga Anda** atau **Ahli Keluarga Pemandu Dibenarkan Anda**; atau
3. Kerosakan dan/atau pembaikan yang dilindungi di bawah waranti pengilang; atau
4. Pengecas dinding rumah EV digunakan untuk tujuan komersial; atau
5. Liabiliti yang timbul daripada asbestos atau sebarang kecederaan atau kerosakan berkaitan asbestos yang melibatkan penggunaan, kehadiran atau penyingkirannya; atau
6. Sebarang tuntutan yang dibayar dan dilindungi di bawah mana-mana polisi lain; atau
7. Sebarang pengubahan atau pengubahsuaian pada pengecas dinding rumah EV **Anda** yang tidak diluluskan oleh pengilang.

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat **Polisi** ini.

Endorsmen EV07: Kabel Pengecas Mudah Alih (Bukan Tarif)

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** bayar kepada **Kami** bagi pengendorsan ini, **Kami** akan menanggung rugi **Anda** perbelanjaan yang ditanggung untuk membaiki atau mengantikan kabel pengecas mudah alih **Anda** sehingga RM5,000, sekiranya kehilangan atau kerosakan akibat perlanggaran tidak sengaja atau kenderaan, kebakaran atau kecurian (akibat kemasukan ganas dan paksa).

Sekiranya tuntutan dibuat, **Anda** mesti memberi **Kami** yang berikut:

a. salinan laporan polis;
b. salinan invois pembaikian/resit rasmi;dan

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

c. sebarang dokumen lain yang berkaitan yang diminta oleh **Kami**.

Perlindungan ini terhad kepada satu (1) kejadian dalam setiap **Tempoh Insurans** dan pengambilan semula untuk perlindungan ini tidak dibenarkan semasa **Tempoh Insurans**. Mana-mana tuntutan yang **Kami** bersetuju untuk membayar di bawah pengendorsan ini, **Kami** tidak akan memotong sebarang **Ekses** dan **Anda** tidak akan hilang kelayakan NCD **Anda.**

Pengecualian
Kami tidak akan membayar untuk mana-mana keadaan berikut:

1. Kerosakan atau kepincangan fungsi secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, dihasilkan oleh, atau akibat daripada haus atau kemerosotan biasa, penyalahgunaan, salah guna, kecuaian, kekurangan atau penggunaan yang tidak wajar, penyelenggaraan, penyimpanan atau pengangkutan; atau
2. Kerosakan dan/atau pembaikan yang dilindungi di bawah waranti pengilang; atau
3. Kehilangan atau kerosakan akibat sebarang tindakan yang disengajakan atau cuai, kegagalan **Anda** untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk memastikan kabel pengecas mudah alih selamat, atau apabila kabel pengecas mudah alih dibiarkan tanpa pengawasan; atau
4. Sebarang pengubahan atau pengubahsuaian pada kabel pengecas mudah alih **Anda** yang tidak diluluskan oleh pengilang; or
5. Faktor luaran yang tidak dinyatakan di bawah endorsmen ini yang menyebabkan kehilangan atau kerosakan pada kabel pengecas mudah alih, termasuk tetapi tidak terhad kepada penyambung atau penyesuainya yang rosak; atau
6. Kegagalan untuk menghubungi pengilang apabila mendapati terdapat kecacatan pada kabel pengecas mudah alih **Anda**; atau
7. Kabel pengecas mudah alih yang digunakan untuk tujuan komersial; atau
8. Sebarang tuntutan yang dibayar dan dilindungi di bawah mana-mana polisi lain.

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat **Polisi** ini.

Endorsmen EV08: Elaun Perlindungan Kesulitan (Bukan Tarif)

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** bayar kepada **Kami** bagi pengendorsan ini, **Kami** akan membayar **Anda** elaun sebanyak RM5,000 sekiranya:

a. **Kenderaan Anda** rosak akibat daripada penggunaan terus stesen pengecas kenderaan elektrik awam; dan/atau
b. **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan Anda** mengalami kecederaan badan akibat daripada penggunaan terus stesen pengecas kenderaan elektrik awam.

Sekiranya tuntutan dibuat, **Anda** mesti memberi **Kami** yang berikut:

a. salinan laporan polis;
b. salinan invois pembaikian/resit rasmi untuk kerosakan **Kenderaan Anda** dan/atau salinan laporan perubatan untuk kecederaan badan yang **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan Anda** mengalami; dan/atau
c. sebarang dokumen lain yang berkaitan yang diminta oleh **Kami**.

Perlindungan ini terhad kepada satu (1) kejadian dalam setiap **Tempoh Insurans** dan pengambilan semula untuk perlindungan ini tidak dibenarkan semasa **Tempoh Insurans**. Mana-mana tuntutan yang **Kami** bersetuju untuk membayar di bawah pengendorsan ini, **Kami** tidak akan memotong sebarang **Ekses** dan **Anda** tidak akan hilang kelayakan NCD **Anda.**

Pengecualian
Kami tidak akan membayar untuk mana-mana keadaan berikut:

1. Penggunaan stesen pengecas kenderaan elektrik awam yang belum diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan untuk mengecas kenderaan elektrik **Anda**; atau
2. Sebarang kerosakan kepada harta pihak ketiga dan/atau kematian atau kecederaan badan kepada pihak ketiga yang timbul daripada penggunaan stesen pengecas kenderaan elektrik awam oleh **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan Anda**; or
3. Kerosakan atau kecederaan badan yang disebabkan dengan sengaja atau timbul daripada kecuaian berhubung dengan penggunaan stesen pengecas kenderaan elektrik awam oleh **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan Anda** atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan Anda**; or
4. Kegagalan untuk mengikuti manual pengecasan atau arahan pengeluar kenderaan elektrik untuk mengecas, atau penggunaan stesen pengecas kenderaan elektrik awam yang bertentangan dengan operasi biasa atau biasa.

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat **Polisi** ini.

Endorsmen EV09: Tunda 24 Jam akibat Kehabisan Bateri (Bukan Tarif)

Dengan ini dipersetujui bahawa **Kami** akan menyediakan perkhidmatan berikut:

i) Perkhidmatan Tunda 24 Jam & Servis Pembaikan di tepi Jalan Ketika Kecemasan. **Kami** atau pembekal perkhidmatan **Kami** akan menyediakan servis yang berikut:

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

- Jika **Kenderaan Anda** tidak boleh bergerak akibat kemalangan atau kerosakan, **Kami** atau pembekal perkhidmatan **Kami** akan mengaturkan:

  – Pembaikan ke atas kerosakan kecil, sekiranya perlu.
  – Menunda **Kenderaan Anda** ke rumah **Anda** atau ke **Pembaiki Diluluskan** untuk memperbaiki masalah.

- Jika **Kenderaan Anda** tidak boleh bergerak akibat kehabisan bateri pada **Kenderaan Anda**, **Kami** atau pembekal perkhidmatan **Kami** akan menunda **Kereta Anda** kepada tempat pengecasan EV terdekat atau rumah **Anda**.

Kami akan menangung kos penundaan sehingga RM300 untuk setiap perkhidmatan dan kos buruh untuk pembaikan kerosakan di tempat kejadian sahaja, kecuali alat-alat penggantian yang rosak.

ii) Liputan bengkel-bengkel panel **Kami** di seluruh negara.
iii) Perkhidmatan Pusat Panggilan 24 Jam.
iv) Penghantaran maklumat kecemasan kepada keluarga terdekat pemegang polisi atas permintaan.
v) Pengankutan alternative selepas kemalangan.

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat **Polisi** ini.

Endorsmen P2P: Endorsmen Peer-to-Peer (P2P) (Bukan Tarif)

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang Anda telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju bahawa terma-terma Polisi ini telah dipinda seperti yang dinyatakan di bawah:-

'Had Penggunaan' seperti yang ditakrifkan di bawah **Sijil Insurans** dan dijelaskan di bawah **Seksyen F: Takrif perkataan yang ditandakan di dalam Polisi**, adalah dipinda bagi merangkumi untuk **Kegunaan persendirian sahaja** oleh **Tetamu Dibenarkan** yang secara rasmi menyewa **Kereta** di bawah **Lesen Peer to Peer e-platform** bagi sepanjang tempoh lanjutan dinyatakan di bawah.

TEMPOH PERLINDUNGAN :
Tarikh berkuatkuasa endorsmen Peer to Peer: *hh-bb-tttt*
Tarikh luput endorsmen Peer to Peer: *hh-bb-tttt*

I) **SYARAT BAGI ENDORSMEN INI:**
Semua perlindungan dan manfaat disediakan di bawah **Polisi** ini terpakai manakala Pihak Diinsuranskan bertindak sebagai **Hos Dibenarkan** dengan menawarkan **Kereta** untuk sewaan **Perkongsian Kereta** kepada **Tetamu Dibenarkan** untuk **kegunaan Persendirian sahaja**, dengan syarat **Kereta** itu dilesenkan sepenuhnya di bawah peraturan yang dikenakan oleh **APAD** dan/atau **LPKP** mengikut peruntukan pelesenan mereka (jika keperluan pelesenan tersebut telah dikenakan) untuk sewaan sementara dengan bayaran iaitu perkhidmatan **Perkongsian Kereta** (seperti yang ditakrifkan), dan dengan syarat bahawa semua peruntukan kawal selia atau pentadbiran yang diperlukan untuk penggunaan sedemikian dipatuhi sepenuhnya.

Perlindungan berkenaan dengan 'sewa atau tambang' seperti yang dinyatakan dalam **Polisi** ini diperluaskan untuk perkhidmatan **Perkongsian Kereta** sahaja

Endorsmen ini tidak melindungi penggunaan untuk e-hailing (juga dikenali sebagai 'Sewa Persendirian') mahupun untuk penyewaan untuk tujuan komersial yang memerlukan jenis lesen **APAD** dan/atau **LPKP** yang berbeza.

Untuk tujuan endorsmen ini, skop **Pemandu Dibenarkan** (seperti yang ditakrifkan di bawah Bahagian F: Takrifan Perkataan yang diserlahkan dalam **Polisi**) termasuk (a) **Tetamu Dibenarkan** dan/atau (b) mana-mana orang yang bekerja dengan pengendali E-platform P2P berlesen dan/atau ejennya yang diberi kuasa semasa melakukan perkhidmatan pengambilan atau penghantaran Kereta untuk tujuan **Perkongsian Kereta**, dengan syarat dia memegang lesen memandu yang sah dari jenis yang berkaitan dan tidak hilang kelayakan untuk memandu mengikut undang-undang atau untuk apa-apa sebab lain.

Perlindungan di bawah pengendorsan ini hanya terhad kepada sempadan geografi Malaysia, dan sebarang had operasi geografi yang sedang atau mungkin dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa pentadbiran atau pelesenan.

II) **DEFINISI TERMA-TERMA TAMBAHAN:**

APAD - merujuk kepada pihak berkuasa pelesenan untuk kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam iaitu Agensi Pengangkutan Awam Darat.

Tetamu Dibenarkan - merujuk kepada orang yang diluluskan oleh pengendali **e-platform P2P Berlesen** untuk (a) menyewa kereta dan/atau (b) untuk memandu kereta yang disewa daripada **Hos Dibenarkan** yang ditawarkan pada e-platform P2P Berlesen.

Hos Dibenarkan - merujuk kepada Pihak Diinsuranskan, yang telah menawarkan kereta yang diinsuranskan untuk penyewaan sementara berdasarkan syarat **e-platform P2P Berlesen** kepada **Tetamu Dibenarkan**.

Perkongsian Kereta - merujuk kepada konsep menawarkan kereta milik persendirian untuk perniagaan sewa untuk tempoh yang singkat.

LPKP - merujuk kepada pihak berkuasa pelesenan di Malaysia Timur untuk kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

iaitu Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan.

E-platform peer to peer berlesen - (juga **e-platform P2P Berlesen**) merujuk kepada platform digital yang diluluskan oleh Kementerian Pengangkutan dan dilesenkan oleh **APAD** dan/atau **LPKP** untuk menawarkan kereta yang disediakan oleh Hos Yang Diluluskan untuk penyewaan sementara dengan bayaran kepada mana-mana **Tetamu Dibenarkan**.

Kegunaan Persendirian Sahaja - hanya boleh digunakan untuk "sosial, domestik dan bersukaria dan termasuk tujuan perniagaan peribadi Tetamu Dibenarkan seperti yang dijelaskan dalam Nota Penerangan dalam **Polisi** ini.

III) **PERLINDUNGAN LANJUTAN TAMBAHAN:**
Untuk mematuhi pelesenan **APAD** dan/atau **LPKP** untuk **e-platform P2P Berlesen**, perlindungan insurans berikut di bawah **Polisi** disahkan berdasarkan pengendorsan ini:

(a) Kerugian atau Kerosakan pada Kereta Anda Sendiri
Perlindungan untuk Kerugian atau Kerosakan pada Kereta Anda Sendiri akan mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang diperuntukkan di bawah Seksyen (A) Kerugian atau Kerosakan pada Kereta Anda Sendiri, di bawah **Polisi** utama selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat yang mana telah dikeluarkan, dimana perlindungan tersebut kini terpakai apabila **Kereta** disewakan secara komersial di atas **Licensed P2P e-platform** untuk **Kegunaan Persendirian sahaja**.

(b) Liabiliti terhadap Pihak Ketiga
Perlindungan untuk **Liabiliti terhadap Pihak Ketiga** akan mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang diperuntukkan di bawah Seksyen (B) Liabiliti terhadap Pihak Ketiga di bawah **Polisi** utama selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat yang mana telah dikeluarkan, dengan tambahan yang melindungi kini terpakai walaupun apabila **Kereta** disewa secara komersial di atas **Licensed P2P e-platform** untuk **Kegunaan Persendirian sahaja**.

(c) Liabiliti dari segi Undang-undang Khas terhadap Penumpang (P2P LLP)
Perlindungan untuk **Liabiliti kepada Penumpang** disahkan sebagai lanjutan polisi di bawah perkataan lanjutan (disediakan pada penghujung pengendorsan ini), apabila **Kereta** disewa secara komersil pada **e-platform P2P Berlesen** untuk **Kegunaan Persendirian sahaja**. Lanjutan ini termasuk **Tetamu Dibenarkan** di bawah istilah umum **Pemandu Dibenarkan Anda**.

Perlindungan LLP ini walau bagaimanapun **tidak** melindungi mana-mana orang yang berada di bawah pekerjaan **Tetamu Dibenarkan** dan/atau mana-mana ahli isi rumah **Tetamu Dibenarkan** yang merupakan penumpang di dalam **Kereta**, sama ada untuk kerosakan atau kehilangan harta benda mereka, atau untuk kecederaan peribadi dan/atau kematian.

(d) Liabiliti Penumpang Di Sisi Undang-undang Khas Kerana Perbuatan Cuai (P2P LLOP)
Perluasan ini menyediakan perlindungan untuk liabiliti yang disebabkan oleh **Liabiliti Penumpang Di Sisi Undang-undang Kerana Perbuatan Cuai** seperti yang diterangkan dalam perkataan perluasan yang disediakan pada penghujung pengendorsan ini.

IV) **BAYARAN BALIK PREMIUM:**
Tiada bayaran balik premium dibenarkan di atas pembatalan endorsmen ini.

V) **TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT POLISI YANG DIGUNA PAKAI SECARA AM:**
Kesemua terma-terma dan syarat-syarat yang lain yang diperuntukkan di bawah Polisi ini adalah tidak berubah.

Lanjutan P2P LLP: Liabiliti Penumpang Di Sisi Undang-undang Khas untuk P2P penumpang

Kami akan membayar kepada **Anda** atau liabiliti **Tetamu Dibenarkan** kepada mana-mana orang yang dibawa masuk atau memasuki atau menaiki atau menuruni dari **Kereta** kecuali untuk:

a. kematian atau kecederaan tubuh badan kepada mana-mana penumpang yang dibawa untuk tujuan sewaan atau mengutip tambang;
b. kematian atau kecederaan tubuh badan kepada mana-mana orang yang merupakan ejen dibenarkan dan/atau di bawah penggajian **Pengendali e-platform P2P Berlesen;**
c. kerosakan pada harta kepunyaan, atau dalam jagaan, atau di bawah kawalan, atau yang di amanahkan, oleh **Anda**, **Tetamu Dibenarkan**, mana-mana ahli **Anda** atau **Isi Rumah Tetamu Dibenarkan**, atau **Pengendali e-platform P2P Berlesen**;
d. liabiliti kepada mana-mana penumpang dalam **Kereta Anda** yang merupakan ahli keluarga **Anda** dan/atau **Isi Rumah Tetamu Dibenarkan** dan/atau merupakan ejen yang diberi kuasa dan/atau berada di bawah penggajian **Pengendali e-platform P2P Berlesen;**
e. liabiliti yang disebabkan oleh penumpang yang menaiki atau menuruni dari **Kereta Anda**;
f. apa-apa tuntutan yang dibawa terhadap **Anda** oleh mana-mana pemandu **Kereta Anda** sama ada dibenarkan atau tidak;
g. apa-apa tuntutan yang dibawa ke mahkamah terhadap mana-mana orang di mana-mana negara di luar Malaysia, Republik Singapura atau Negara Brunei Darussalam;
h. semua kos dan perbelanjaan perundangan yang tidak tertanggung atau boleh dituntut balik di Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam;
i. semua liabiliti yang disebabkan atau disumbangkan oleh pengendali servis **Licensed P2P e-platform**; dan
j. sebarang kerugian turutan yang terbangkit daripada apa-apa yang tersebut diatas.

Syarat Perlindungan
Jika semasa berlakunya **Kejadian** yang membawa kepada tuntutan di bawah endorsmen ini, **Kereta Anda** membawa penumpang lebih daripada bilangan had maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, liabiliti **Kami** akan dihadkan

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

kepada bilangan penumpang yang dinyatakan pada kenderaan yang didaftarkan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Jika bilangan penumpang yang dibawa di dalam kenderaan semasa berlakunya suatu **Kejadian** itu lebih daripada bilangan maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, **Kami** tidak akan membayar tuntutan mereka secara penuh. Sebarang bayaran yang **Kami** buat kepada orang yang membuat tuntutan di bawah endorsmen ini akan dibahagikan mengikut kadar berkurangan dengan nisbah bilangan penumpang maksimum dibenarkan oleh undang-undang ke atas jumlah sebenar penumpang yang dibawa pada masa **Kejadian**.

Perbezaan di antara jumlah yang **Kami** bayar dan tuntutan yang akan dibayar kepada setiap penumpang yang diinsuranskan yang membuat tuntutan di bawah endorsmen ini akan ditanggung oleh **Anda** atau **Tetamu Dibenarkan**. Bahagian yang **Kami** bayar akan dikira berdasarkan formula berikut:

$$\frac{\text{Jumlah penumpang dibenarkan oleh undang-undang}}{\text{Bilangan sebenar penumpang yang dibawa ketika Kejadian}} \times \text{Jumlah Tuntutan Diberikan}$$

Lanjutan P2P LLOP: Liabiliti Penumpang Di Sisi Undang-undang Khas Kerana Perbuatan Cuai

Kami bersetuju bahawa insurans yang diperuntukkan di bawah Seksyen B **Polisi** ini akan termasuk liabiliti undang-undang yang ditanggung oleh mana-mana orang yang mengembara sebagai penumpang di dalam **Kereta Anda** dengan syarat penumpang itu;

i) tidak memandu **Kereta Anda**;
ii) tidak berhak untuk mendapat indemnity dibawah sebarang polisi insurans yang lain; dan;
iii) mematuhi kesemua terma-terma dan syarat-syarat **Polisi** ini seakan-akan beliau adalah **Anda**/atau **Tetamu Dibenarkan**.

This endorsement does not cover:

a. kematian atau kecederaan tubuh badan kepada mana-mana orang yang bekerja dengan **Anda** atau **Tetamu Dibenarkan** atau penumpang, atau yang merupakan ejen yang diberi kuasa atau berada di bawah penggajian **Pengendali e-platform P2P Berlesen**, dan yang meninggal dunia atau cedera dalam lingkungan penggajian atau melaksanakan tugasnya sebagai ejen
b. kerosakan kepada mana-mana harta kepunyaan atau diamanahkan atau berada dalam jagaan atau kawalan **Anda** atau **Tetamu Dibenarkan** dan/atau penumpang atau **Pengendali e-platform P2P Berlesen** yang dibawa dalam **Kereta Anda**; dan/atau
c. kematian atau kecederaan tubuh badan kepada pemandu atau mana-mana penumpang lain di dalam **Kereta Anda** pada masa yang sama.

Prosedur Aduan

Kami percaya **Anda** berhak untuk mendapat perkhidmatan yang berhemah, adil dan segera. Jika wujud sebarang keadaan yang menjadikan perkhidmatan **Kami** tidak menepati jangkaan anda, sila hubungi **Kami** menggunakan butir-butir hubungan di bawah dan memberikan Nombor **Polisi**/*Nombor Tuntutan dan Nama Orang yang Diinsuranskan:*

1. Pertama, dengan jabatan atau orang yang **Anda** hubungi bila berurusan dengan **Kami** untuk memaklumkan bagaimana **Anda** mahu masalah diselesaikan.

2. Kedua, jika masalah tidak diselesaikan dengan cara yang memuaskan **Anda**, maka **Anda** boleh membuat aduan bertulis secara formal kepada Jabatan Khidmat Pelanggan **Kami** di:

Talian Khidmat Pelanggan	:	1-800-88-MSIG (6744)
Faks	:	+603-2026 8086
E-mel	:	myMSIG@my.msig-asia.com
Laman Web	:	www.msig.com.my
Alamat	:	Jabatan Perkhidmatan Pelanggan MSIG Insurance (Malaysia) Bhd Aras 15, Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur.

3. Ketiga, jika **Anda** tidak berpuas hati dengan keputusan **Kami, Anda** boleh merujuk perkara tersebut kepada PERKHIDMATAN OMBUDSMAN PASARAN KEWANGAN (FMOS) atau BANK NEGARA MALAYSIA menerusi BNMLINK:

i. **PERKHIDMATAN OMBUDSMAN PASARAN KEWANGAN**
(Dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)
Tingkat 14, Blok Utama,
Menara Takaful Malaysia,
No.4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.

Telefon	:	+603-2272 2811
Laman Web	:	www.fmos.org.my

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

ii. **BNMLINK**
Tingkat 4,
Podium Bangunan AICB,
No.10 Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur

Telefon	:	1-300-88-5465 atau +603 2174 1717 (untuk panggilan luar negara)
Laman Web	:	bnm.gov.my/BNMLINK
Kunjungan Fizikal	:	Secara temu janji melalui borang eLink di bnm.gov.my/BNMLINK atau melalui telefon

Anda boleh merujuk kepada laman web FMOS dan BNMLINK untuk maklumat terperinci tentang skop dan garis masa untuk membuat aduan.

Perlindungan Data Peribadi

Dengan memberikan Data Peribadi Anda, bermakna Anda memberi kebenaran kepada Kami untuk menggunakannya sebagaimana dihuraikan di bawah:-

a. Untuk memproses Data Peribadi **Anda** dengan matlamat untuk melaksanakan Kontrak Insurans.
b. **Anda** membenarkan dan mengizinkan **Kami** untuk menyimpan dan berkongsi data tersebut dengan pembekal perkhidmatan **Kami**, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada:

   i. Penyelaras yang berdaftar,
   ii. Peguam Cara, dan mana-mana badan profesional lain untuk tujuan pelaksanaan Kontrak Insurans,
   iii. Penanggung Insurans dan Penanggung Insurans Semula,
   iv. ISM Insurance Services Malaysia Berhad.

c. Untuk maklumat lanjut mengenai komitmen MSIG untuk melindungi Data Peribadi, senarai pembekal perkhidmatan dan rakan-rakan perniagaan yang kami mungkin dedahkan Data Peribadi anda, sila rujuk kepada Notis Privasi MSIG di www.msig.com.my/privacy-notice/ atau mengimbas Kod QR di bawah:

Anda juga boleh meminta akses kepada atau membetulkan Data Peribadi **Anda** dengan menghubungi Jabatan Perkhidmatan Pelanggan **Kami**. Maklumat tersebut hanya diberikan selepas pengesahan.. 'Data Peribadi' mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Fasal Cukai

Anda dikehendaki membayar sebarang cukai berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh Penguatkuasa Cukai Malaysia berhubung polisi ini.

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY

FOR CUSTOMER'S REFERENCE ONLY